



S A R A W A K

**PENYATA RASMI PERSIDANGAN
DEWAN UNDANGAN NEGERI**

Sarawak State Legislative Assembly Official Reports and Debates

MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL KEDUA
Second Meeting of the Second Session

20 – 29 NOVEMBER 2023

DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK KESEMBILAN BELAS
Nineteenth Sarawak State Legislative Assembly

RABU

29 NOVEMBER 2023

(15 JAMADILAWAL 1445H)

KUCHING

Peringatan untuk Ahli Dewan:

Pembetulan yang dicadangkan oleh Ahli Dewan hendaklah disampaikan secara bertulis kepada Setiausaha Dewan Undangan Negeri Sarawak tidak lewat daripada **14 hari selepas persidangan.**

KANDUNGAN

1.0	PEMASYHURAN DARIPADA TUAN SPEAKER.....	1
2.0	SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS BACAAN KALI YANG KEDUA RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2024), 2023 DAN USUL UNTUK MERUJUK RESOLUSI ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN BAGI TAHUN 2024 <i>[Perbahasan daripada Para Menteri]</i>	
(1)	Timbalan Premier Sarawak; Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar Kedua; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.82 Bukit Sari (YB Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hasan).....	1
(2)	Timbalan Premier Sarawak; Menteri Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.82 Bukit Sari (YB Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hasan).....	18
(3)	Timbalan Premier Sarawak; Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru Kedua; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.37 Bukit Saban (YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas).....	25
(4)	Timbalan Premier Sarawak; Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.37 Bukit Saban (YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas).....	34
(5)	Premier Sarawak; Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru; Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar; Menteri Tenaga dan Kelestarian Alam Sekitar; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.26 Gedong (YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg).....	50
3.0	RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN – BACAAN KALI YANG KETIGA <u><i>Supply (2024) Bill, 2023</i></u> Premier Sarawak; Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru; Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar; Menteri Tenaga dan Kelestarian Alam Sekitar; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.26 Gedong (YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg).....	63
4.0	USUL UNTUK MELULUS RESOLUSI ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN BAGI TAHUN 2024 <u><i>Supply (2024) Bill, 2023</i></u> Premier Sarawak; Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru; Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar; Menteri Tenaga dan Kelestarian Alam Sekitar; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.26 Gedong (YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg).....	63

5.0 USUL PENANGGUHAN

Timbalan Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan (Pembangunan Infrastruktur); dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.24 Sadong Jaya (YB Datuk Ir. Aidel bin Lariwoo).....

6.0 PENANGGUHAN PERSIDANGAN..... 67

SARAWAK
DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK KESEMBILAN BELAS

Penyata Rasmi

MESYUARAT KEDUA BAGI PENGGAL KEDUA

Rabu, 29 November 2023

Dewan bermesyuarat di Petra Jaya, Kuching pada pukul 9.10 pagi

HADIR

Bil.	Nama	Konstituensi
1.	Yang Berhormat Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Asfia bin Awang Nasar P.S.M., D.A., P.N.B.S., D.S.A.P., D.I.M.P., P.B.K., P.C.E. (Emas) <i>Speaker Dewan Undangan Negeri Sarawak</i>	
2.	Yang Berhormat Dato Haji Idris bin Haji Buang P.S.B.S., D.I.M.P., A.M.N., P.B.S., A.B.S., P.C.D., P.J.P.N., P.T.E. <i>Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Sarawak</i>	<i>N.16 Muara Tuang</i>
3.	Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg D.P., P.M.N., D.A., P.N.B.S., J.B.S., P.C.E. <i>Premier Sarawak</i> <i>Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru</i> <i>Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar</i> <i>Menteri Tenaga dan Kelestarian Alam Sekitar</i>	<i>N.26 Gedong</i>
4.	Yang Berhormat Datuk Amar Douglas Uggah Embas D.A., P.N.B.S., P.G.B.K., P.C.E. <i>Timbalan Premier Sarawak</i> <i>Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru Kedua</i> <i>Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan</i>	<i>N.37 Bukit Saban</i>
5.	Yang Berhormat Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hasan D.A., P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N. <i>Timbalan Premier Sarawak</i> <i>Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar Kedua</i> <i>Menteri Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan</i>	<i>N.82 Bukit Sari</i>
6.	Yang Berhormat Datuk Amar Dr Sim Kui Hian D.A., P.N.B.S., P.J.N., P.B.E. <i>Timbalan Premier Sarawak</i> <i>Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan</i>	<i>N.14 Batu Kawah</i>
7.	Yang Berhormat Dato Sri Hajah Fatimah Abdullah P.N.B.S., P.G.B.K., P.C.E. <i>Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti</i>	<i>N.56 Dalat</i>
8.	Yang Berhormat Dato Sri Dr Stephen Rundi anak Utom P.N.B.S., P.J.N., A.B.S., P.B.E., P.C.E. <i>Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah</i>	<i>N.69 Kemena</i>

9. Yang Berhormat Dato Sri Haji Abdul Karim Rahman Hamzah
P.N.B.S., P.G.B.K., P.B.S., P.B.E.
Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan
Menteri Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan N.15 Asajaya
10. Yang Berhormat Dato Sri Lee Kim Shin
P.N.B.S., P.J.N., K.M.N., P.B.S., P.P.B., B.B.S., P.B.E.
Menteri Pengangkutan N.75 Senadin
11. Yang Berhormat Dato Sri John Sikie anak Tayai
P.N.B.S., P.J.N., P.B.S., P.B.E.
Menteri di Jabatan Premier N.60 Kakus
12. Yang Berhormat Dato Sri Haji Julaihi bin Haji Narawi
P.N.B.S., P.G.B.K., P.B.S., K.M.N., P.P.D., P.B.E.
Menteri Utiliti dan Telekomunikasi N.27 Sebuyau
13. Yang Berhormat Dato Sri Roland Sagah Wee Inn
P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.K., P.B.S., P.B.E.
Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat N.20 Tarat
14. Yang Berhormat Datuk Gerawat Gala
P.G.B.K., P.S.B.S., P.B.K.
Timbalan Menteri di Jabatan Premier (Buruh, Imigresen dan Pemantauan Projek) N.78 Mulu
15. Yang Berhormat Datuk Francis Harden anak Hollis
P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., P.B.E.
Timbalan Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat (Pembangunan Bakat) N.32 Simanggang
16. Yang Berhormat Datuk Dr Jerip anak Susil
P.G.B.K., A.M.N., P.B.E.
Timbalan Menteri Pengangkutan (Penerbangan dan Jalan Raya) N.19 Mambong
17. Yang Berhormat Datuk Liwan Lagang
P.J.N., P.P.N., K.M.N., J.B.S., P.B.E.
Timbalan Menteri Utiliti dan Telekomunikasi (Telekomunikasi) N.65 Belaga
18. Yang Berhormat Datuk Hajah Rosey binti Haji Yunus
P.G.B.K., J.B.K., P.P.B., P.P.S., P.T.E., P.B.E.
Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti (Pembangunan Wanita dan Kanak-Kanak) N.71 Bekenu
19. Yang Berhormat Datuk Haji Len Talif Salleh
P.G.B.K., D.J.B.S., P.B.K., P.P.B.
Timbalan Menteri Perancangan Bandar, Pentadbiran Tanah dan Alam Sekitar N.41 Kuala Rajang
20. Yang Berhormat Datuk Dr Haji Abdul Rahman bin Haji Junaidi
P.G.B.K., J.B.S., A.B.S., P.B.E.
Timbalan Menteri Utiliti dan Telekomunikasi (Utiliti) N.4 Pantai Damai

21. Yang Berhormat Datuk Hajah Sharifah Hasidah binti Sayeed Aman Ghazali
P.G.B.K., P.T.E., J.B.S.
Timbalan Menteri di Jabatan Premier (Undang-undang, MA63 dan Hubungan Negeri-Persekutuan) N.7 Samariang
22. Yang Berhormat Datuk Dr Malcolm Mussen anak Lamoh
P.G.B.K., P.B.S., P.T.E.
Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan N.34 Batang Ai
23. Yang Berhormat Datuk Dr Haji Abdul Rahman bin Haji Ismail
P.G.B.K., A.B.S., P.T.E.
Timbalan Menteri Industri Makanan, Komoditi & Pembangunan Wilayah (Industri Makanan) N.79 Bukit Kota
24. Yang Berhormat Datuk Dr Haji Annuar bin Rapa'ee
P.G.B.K., J.B.S., P.T.E.
Timbalan Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat (Pengajian Tinggi dan Inovasi) N.55 Nangka
25. Yang Berhormat Datuk Dr Penguang Manggil
P.G.B.K., D.J.B.S., K.M.N., P.P.C., P.P.B., P.P.S., P.T.E.
Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Kerajaan Tempatan) N.76 Marudi
26. Yang Berhormat Datuk Snowdan Lawan
P.G.B.K., A.M.N., P.T.E.
Timbalan Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan (Industri Kreatif dan Seni Persembahan) N.30 Balai Ringin
27. Yang Berhormat Datuk Abdullah bin Haji Saidol
P.G.B.K., K.M.N., J.B.K., P.T.E.
Timbalan Menteri di Jabatan Premier (Hal Ehwal Korporat dan Unit Komunikasi Awam Sarawak) N.42 Semop
28. Yang Berhormat Datuk Sebastian Ting Chiew Yew
P.J.N., D.I.M.P., A.B.S.
Timbalan Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan (Pelancongan) N.73 Piasau
29. Yang Berhormat Datuk Ir. Aidel bin Lariwoo
P.G.B.K., P.B.S., P.T.E.
Timbalan Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan (Pembangunan Infrastruktur) N.24 Sadong Jaya
30. Yang Berhormat Datuk Dr Ripin bin Lamat
P.G.B.K., J.B.K., K.M.N., P.T.E.
Timbalan Menteri Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan (Pembangunan Usahawan) N.72 Lambir
31. Yang Berhormat Datuk Dr Haji Hazland bin Abang Hipni
P.G.B.K., K.M.N., J.B.S., P.T.E.
Timbalan Menteri Tenaga dan Kelestarian Alam Sekitar N.5 Demak Laut

32. Yang Berhormat Datuk Maclaine Ben @ Martin Ben
P.G.B.K., J.B.S., P.T.E.
Timbalan Menteri Industri Makanan, Komoditi & Pembangunan Wilayah (Komoditi & Pembangunan Wilayah) N.22 Kedup
33. Yang Berhormat Datuk Ricky @ Mohammad Razi bin Sitam
P.G.B.K., K.M.N., J.B.S., P.T.E.
Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti (Kesejahteraan Komuniti) N.35 Saribas
34. Yang Berhormat Dato Henry Harry anak Jinep
P.S.B.S., A.B.S.
Timbalan Menteri Pengangkutan (Sungai dan Laut) N.2 Tasik Biru
35. Yang Berhormat Dato' Murshid DiRaja Dr Juanda bin Jaya
P.G.B.K., DATO' MURSHID DIRAJA, S.S.P.
Timbalan Menteri di Jabatan Premier (Integriti dan Ombudsman) N.44 Jemoreng
36. Yang Berhormat Dato Gerald Rentap Jabu
P.S.B.S., A.B.S., P.P.N., J.B.K.
Timbalan Menteri Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan (Pembangunan Belia dan Sukan) N.36 Layar
37. Yang Berhormat Dato Majang anak Renggi
P.S.B.S., P.B.K., A.B.S.
Timbalan Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan (Pembangunan Pelabuhan) N.70 Samalaju
38. Yang Berhormat Datuk Jefferson Jamit anak Unyat
P.G.B.K., B.B.S., P.B.S., K.M.N., J.B.S.
Timbalan Menteri di Jabatan Premier (Undang-undang dan Adat Bumiputera) N.63 Bukit Goram
39. Yang Berhormat Dato Ibrahim bin Baki
A.B.S., J.B.S., P.S.B.S. N.8 Satok
40. Yang Berhormat Dato Sri Tiong King Sing
P.J.N., P.N.B.S., D.P.M.K., D.P.M.K., S.S.S.A., D.S.S.A., J.P. N.52 Dudong
41. Yang Berhormat Tan Sri William Mawan anak Ikom
P.S.M., P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N., P.B.S., P.P.D. (Emas) N.47 Pakan
42. Yang Berhormat Datuk Mong anak Dagang
P.G.B.K., J.M.N., P.B.S., P.P.D., P.B.K., P.B.E. N.31 Bukit Begunan
43. Yang Berhormat Dato Paulus Palu Gumbang
P.S.B.S., A.M.N., P.B.S., J.B.K., P.T.E. N.80 Batu Danau
44. Yang Berhormat Dato Dennis Ngau
P.S.B.S., J.B.S., P.B.S., P.T.E., B.B.S. N.77 Telang Usan
45. Yang Berhormat Tuan Haji Razaili bin Haji Gapor
P.T.E., P.B.S. N.29 Beting Maro
46. Yang Berhormat Datuk Ding Kuong Hiing
P.J.N., A.B.S. N.46 Meradong

- | | | |
|-----|--|--------------------------|
| 47. | Yang Berhormat Puan Violet Yong Wui Wui | <i>N.10 Pending</i> |
| 48. | Yang Berhormat Encik Johnichal Rayong anak Ngipa
J.B.S., P.T.E. | <i>N.33 Engkilili</i> |
| 49. | Yang Berhormat Dato Ir. Lo Khare Chiang
P.S.B.S., B.B.S., J.B.K. | <i>N.13 Batu Kitang</i> |
| 50. | Yang Berhormat Encik Wilson Nyabong anak Ijang
A.M.N., K.M.N., J.B.S. | <i>N.61 Pelagus</i> |
| 51. | Yang Berhormat Encik Miro anak Simuh
P.B.S. | <i>N.18 Serembu</i> |
| 52. | Yang Berhormat Encik John anak Ilus
P.B.S, A.P.S. | <i>N.23 Bukit Semuja</i> |
| 53. | Yang Berhormat Encik Fazzrudin bin Haji Abdul Rahman
J.B.K., P.B.S. | <i>N.6 Tupong</i> |
| 54. | Yang Berhormat Encik Awla bin Dris
P.B.S., A.B.S. | <i>N.25 Simunjan</i> |
| 55. | Yang Berhormat Ir. Christopher Gira @ Gira anak Sambang
P.B.K. | <i>N.59 Tamin</i> |
| 56. | Yang Berhormat Encik Rolland Duat anak Jubin | <i>N.48 Meluan</i> |
| 57. | Yang Berhormat Encik Abdul Yakub bin Haji Arbi
B.B.S., A.B.S., K.M.N., J.B.K. | <i>N.58 Balingian</i> |
| 58. | Yang Berhormat Encik Safiee bin Haji Ahmad
J.B.K., P.P.B. | <i>N.43 Daro</i> |
| 59. | Yang Berhormat Encik Baru Bian | <i>N.81 Ba'Kelalan</i> |
| 60. | Yang Berhormat Encik Kennedy Chukpai Ugon
J.B.S., P.P.N., A.B.S. | <i>N.66 Murum</i> |
| 61. | Yang Berhormat Encik Allan Siden Gramong
P.B.S., A.B.S. | <i>N.50 Machan</i> |
| 62. | Yang Berhormat Encik Mohd Chee bin Kadir
A.B.S., P.B.S., P.J.P.N., J.B.S. | <i>N.40 Kabong</i> |
| 63. | Yang Berhormat Datuk Hamzah bin Haji Brahim
A.M.N., P.M.W. | <i>N.17 Stakan</i> |
| 64. | Yang Berhormat Encik Adam Yii Siew Sang
A.B.S. | <i>N.74 Pujut</i> |
| 65. | Yang Berhormat Puan Dayang Noorazah bte Awang Sohor
P.B.S. | <i>N.28 Lingga</i> |
| 66. | Yang Berhormat Dr Simon Sinang @ Sinang anak Bada
A.B.S., P.B.S., K.M.N. | <i>N.21 Tebedu</i> |

67.	Yang Berhormat Encik Billy anak Sujang P.B.S., P.P.B.	N.1 Opar
68.	Yang Berhormat Encik Azizul Annuar bin Pehin Sri Haji Adenan P.B.S.	N.3 Tanjong Datu
69.	Yang Berhormat Encik Yap Yau Sin P.B.S., K.M.N.	N.12 Kota Sentosa
70.	Yang Berhormat Encik See Chee How	N.11 Batu Lintang
71.	Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Duri P.B.K., A.B.S.	N.38 Kalaka
72.	Yang Berhormat Encik Friday anak Belik A.B.K., P.P.S., P.P.B., P.B.K., P.P.C.	N.39 Krian
73.	Yang Berhormat Encik Anyi anak Jana P.B.K.	N.49 Ngemah
74.	Yang Berhormat Encik Chieng Jin Ek P.B.S.	N.51 Bukit Assek
75.	Yang Berhormat Encik Royston bin Valentine J.B.K., A.B.S.	N.57 Tellian
76.	Yang Berhormat Encik Lidam anak Assan P.B.S.	N.62 Katibas
77.	Yang Berhormat Encik Nicholas Kudi anak Jantai P.B.S.	N.64 Baleh
78.	Yang Berhormat Encik Johnny Pang Leong Ming P.B.S.	N.68 Tanjong Batu
79.	Yang Berhormat Encik Iskandar bin Turkee	N.67 Jepak

TIDAK HADIR

(Kebenaran di bawah Peraturan Mesyuarat 81)

Bil.	Nama	Konstituensi
1.	Yang Berhormat Datuk Michael Tiang Ming Tee P.G.B.K., P.B.S. <i>Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Kesihatan Awam dan Perumahan)</i>	N.54 Pelawan
2.	Yang Berhormat Dato' Sri Huang Tiong Sii D.I.M.P., S.S.A.P.	N.45 Repok
3.	Yang Berhormat Dato Sri Wong Soon Koh P.N.B.S., P.G.B.K., A.B.S., P.C.E.	N.53 Bawang Assan
4.	Yang Berhormat Encik Chong Chieng Jen	N.9 Padungan

TURUT HADIR

1. Encik Pele Peter Tinggom
Setiausaha Dewan Undangan Negeri Sarawak
2. Encik Abang Mohammad Adib bin Abang Sallehadin
Pemangku Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri Sarawak
3. Inspektor Ahmad Khairul Aiman bin Hassan
Bentara Mesyuarat
4. Inspektor Nelson anak Ensit
Bentara Mesyuarat
5. Encik Abang Nasiruddin bin Abang Mohd Khalid
Bentara Mesyuarat
6. Encik Lydwilkyn Andar anak Umbau
Bentara Mesyuarat
7. Encik Hadyan bin Abd Rahman
Bentara Mesyuarat
8. Encik Mohd Saiful bin Ahmad Zaidi
Bentara Mesyuarat
9. Inspektor Dylan Tan Hock Ming
Bentara Mesyuarat
10. Inspektor Nizle anak Junep
Bentara Mesyuarat

PETUGAS PERSIDANGAN

PEGAWAI UNDANG-UNDANG

1. Encik Syed Rezif Afham bin Wan Alwi
Jabatan Peguam Besar Negeri Sarawak
2. Cik Christie Sereni anak Philimon
Jabatan Peguam Besar Negeri Sarawak

PEMBACA PRUF

1. Puan Dayang Norazan Kartini binti Dato Pengiran Haji Zain
Dewan Bahasa dan Pustaka Negeri Sarawak
2. Encik Shamsul Idzham Jamil
Dewan Bahasa dan Pustaka Negeri Sarawak

JURUTRENGKAS

1. Puan Sharlina binti Mushar
Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri
2. Puan Malin anak Arit
Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri
3. Puan Khadijah Dato Haji Khaider
Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak
4. Puan Dayang Siti Roszalina binti Abg Rosli
Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak
5. Puan Olivia Batan
Jabatan Audit Negara Negeri Sarawak
6. Puan Bernadette Willon
Jabatan Kastam Diraja Malaysia
7. Puan Katerin Jemali @ Maria Jamali
Dewan Bandaraya Kuching Utara
8. Puan Doris anak Francis Harris
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
9. Puan Meri Sabas
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
10. Puan Noorina binti Hamdan
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
11. Puan Ratna Airnwati binti Haji Md. Junaidi
Perbadanan Pembangunan Perumahan
12. Puan Sabtuyah binti Adeng
Perbadanan Pembangunan Perumahan
13. Puan Nori Othman
Perbadanan Pembangunan Perumahan
14. Puan Zuriawati binti Mohd Laili
Pustaka Negeri Sarawak
15. Encik Azhwan bin Bujang
Regional Corridor Development Authority
16. Encik Mohd Alfadger bin Tuah
Pejabat Residen Bahagian Kuching
17. Puan Dorina Asort
Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak
18. Puan Florence Jalong
Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak
19. Puan Leidiana binti Azahari
Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak

- | | | |
|-----|---|---|
| 20. | Puan Noor Afifah binti Bahaudin | <i>Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak</i> |
| 21. | Puan Dayang Duraiza binti Haji Awang Jangka | <i>Lembaga Sumber Asli & Alam Sekitar Sarawak</i> |
| 22. | Puan Anieta Sylvester Pungga | <i>Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak</i> |
| 23. | Puan Juliana Lugom | <i>Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak</i> |
| 24. | Puan Rosemary Langub | <i>Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak</i> |
| 25. | Puan Derna anak Johin | <i>Unit Pemantauan Pelaksanaan Sarawak, Jabatan Premier Sarawak</i> |
| 26. | Puan Azah Mohamad Jally | <i>Kementerian Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan Sarawak</i> |
| 27. | Puan Rosline anak Dominic Maon | <i>Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak</i> |
| 28. | Puan Nur Izzatul Fatihah Abdullah | <i>Kementerian Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Sarawak</i> |
| 29. | Puan Emely anak Edmund Beatie | <i>Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Negeri Sarawak</i> |
| 30. | Puan Nurhaida binti Amin | <i>Jabatan Penyiaran Kawasan Sarawak, Jabatan Penyiaran Negeri Sarawak</i> |
| 31. | Puan Dzuridah binti Haji Sariee | <i>Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Perancangan Ekonomi dan Pembangunan), Jabatan Premier Sarawak</i> |
| 32. | Puan Valarie Jane anak Aitman | <i>Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Sarawak, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri</i> |

RAKAMAN PROSIDING

- | | | |
|----|--|----------------------------------|
| 1. | Puan Nordiana binti Rabaee | <i>Jabatan Penyiaran Sarawak</i> |
| 2. | Encik Hussein bin Shuini | <i>Jabatan Penyiaran Sarawak</i> |
| 3. | Encik Vong Choon Chan | <i>Jabatan Penyiaran Sarawak</i> |
| 4. | Encik Wan Mohamad Zaki bin Wan Alias | <i>Jabatan Penyiaran Sarawak</i> |
| 5. | Puan Siti Nazilafatullaini binti Sukri | <i>Jabatan Penyiaran Sarawak</i> |

JURUCETAK

- | | | |
|----|-------------------------------------|--|
| 1. | Encik Awang Faizul bin Awang Aboone | <i>Percetakan Nasional Malaysia Berhad</i> |
| 2. | Encik Vincent Vyner ak Tubom | <i>Percetakan Nasional Malaysia Berhad</i> |

JURUTEKNIK IT

- | | | |
|----|-------------------------------------|--------------|
| 1. | Encik Abang Hasmadi bin Abang Wahab | <i>SAINS</i> |
| 2. | Encik Salihin Abu Seman | <i>SAINS</i> |
| 3. | Encik Sufian Sulaiman | <i>SAINS</i> |
| 4. | Encik Mohamad Fadzly | <i>SAINS</i> |

MESSENGER

- | | | |
|----|---|---|
| 1. | Encik Mohamad Zahari bin Hamden | <i>Jabatan Agama Islam Sarawak</i> |
| 2. | Encik Helmy bin Abdul Rahman | <i>Jabatan Pertanian Sarawak</i> |
| 3. | Encik Shah Riwandu Sia bin Ridzuan | <i>Jabatan Pertanian Sarawak</i> |
| 4. | Encik Mohammad Zaidi bin Rambli | <i>Jabatan Pertanian Sarawak</i> |
| 5. | Encik Edry Saiful bin Abdul Hamid | <i>Jabatan Pertanian Sarawak</i> |
| 6. | Encik Mohd Sahfizal Atoy bin Mohamad Faizal | <i>Jabatan Pertanian Sarawak</i> |
| 7. | Encik Mohamed Nazeerudin bin Gulam Mohamed | <i>Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak</i> |

ANGGOTA STAF DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK

1. Cik Noria binti Suut
2. Puan Nur Azira binti Abdul Kadir
3. Puan Rabiah binti Abdul Kadir
4. Puan Aisha Parveen binti Badron
5. Encik Abdul Rahman bin Suaidi
6. Puan Siti Norhiza binti Mohammad Yusri
7. Puan Hanisah Abdullah
8. Cik Siti Halimah binti Mohamad Nawawi
9. Puan Hasfarini binti Hassim
10. Cik Nurhaffizah Abdullah
11. Cik Natasha Nadia binti Mohd. Saidi
12. Puan Angela Lisa anak Mathew Linol
13. Encik Felix Aaron anak Michael
14. Cik Calista Abbie anak Sapa @ Patrick Sapa
15. Puan Norziana binti Haji Ahmad
16. Encik Mohd Hasfia bin Abdullah
17. Puan Nur Eliana Abdullah
18. Puan Nazmah binti Darham
19. Puan Tracy Lyana anak Bana
20. Encik Mohd Zulkhairi bin Mohammad Hejemi
21. Puan Dayang Nazira binti Abang Martaza
22. Puan Jasmine Sinja anak Robinson
23. Puan Dayang Noorazilla binti Jasni
24. Cik Parcelia Renyelia anak Pamg
25. Cik Nur Zafirah binti Affendy Michael
26. Puan Deidre anak Wilson
27. Encik Muhammad Elliyas bin Matali
28. Cik Siti Nur Marsitah binti Roslan
29. Puan Nur Amira Lystiani binti Poniman
30. Encik Razali bin Awi
31. Puan Nora binti Atem
32. Encik Zahari bin Bolhi
33. Encik Lukas Jammany anak Kated
34. Encik Hazrin Syah bin Hamzah
35. Encik Salman bin Jaya
36. Encik Alwie bin Haji Ali
37. Encik Romzi bin Bujang
38. Encik Musa bin Julai
39. Cik Hawa binti Morsad
40. Puan Suraya binti Hamden
41. Puan Noraisah binti Ahmad
42. Cik Siti Zalilah binti Samsawi

PELAJAR PRAKTIKAL

1. Cik Siti Zubaidah binti Arip
2. Cik Amyna A'eisya binti Ranani

(Mesyuarat dimulakan pada pukul 9.10 pagi)

[Tuan Speaker mempengerusikan Mesyuarat]

DOA

PEMASYHURAN DARIPADA TUAN SPEAKER

Tuan Speaker: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Selamat pagi dan Salam sejahtera. Ahli-ahli Yang Berhormat, I wish to leave notify all the Dewan Members are also Members of Commonwealth Parliamentary Association (CPA), that there will be an Annual General Meeting (AGM) immediately after this Dewan is adjourn, *sine die* this afternoon as stated in the notice of AGM being circulated. Thank you.

Ahli-ahli Yang Berhormat, I have granted leave of absence under Standing Order 81 to Yang Berhormat Datuk Michael Tiang Ming Tee, Deputy Minister for Public Health and Housing; and Honourable Member for N.54 Pelawan for today sitting.

**SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS BACAAN KALI YANG KEDUA
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (2024), 2023 DAN USUL UNTUK
MERUJUK RESOLUSI ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN BAGI TAHUN 2024**

[Perbahasan daripada Para Menteri]

Tuan Speaker: Dengan hormatnya saya menjemput Yang Berhormat Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hasan, Timbalan Premier Sarawak; Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar Kedua; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.82 Bukit Sari untuk menyampaikan ucapan penggulungan.

Timbalan Premier Sarawak; Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar Kedua; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.82 Bukit Sari (YB Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hasan): Terima kasih, Tuan Speaker. Pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah ke atas pelantikan semula Yang Berhormat Tuan Speaker sebagai Speaker Dewan Undangan Negeri yang mulia ini.

Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Ahli Yang Berhormat Encik Iskandar Turkee yang telah memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri N.67 Jepak semasa Pilihan Raya Kecil pada 4 November 2023 dengan majoriti yang begitu besar sehingga calon-calon lawan kehilangan wang pertaruhan. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada seluruh anggota jentera Pilihan Raya Kecil Jepak yang telah bekerja keras untuk memastikan kelancaran Pilihan Raya Kecil tempoh hari. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pengundi di Kawasan N.67 Jepak yang telah memberi sokongan yang begitu padu kepada calon GPS dalam Pilihan Raya Kecil tersebut. Kemenangan besar dan bergaya ini menunjukkan kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadap kepimpinan Yang Amat Berhormat Premier dan Kerajaan GPS. Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Premier.

Tuan Speaker, ucapan setinggi-tinggi tahniah juga dizahirkan kepada Yang Amat Berhormat Premier kerana telah membentangkan Belanjawan 2024 yang merupakan belanjawan terbesar dalam sejarah, merangkumi seluruh sektor bagi membantu Sarawak mencapai status Wilayah Berpendapatan Tinggi Menjelang 2030. Belanjawan yang bertemakan *Development for All: Together, Building A Prosperous, Sustainable and United Sarawak* adalah merupakan *surplus budget and development-biased*. Ini adalah manifestasi kejayaan *revenue reengineering* yang dipelopori oleh Yang Amat Berhormat Premier sendiri dan Kerajaan GPS, di samping pengurusan kewangan yang kukuh serta pengurusan perbelanjaan yang berhemah.

Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Premier Sarawak di atas penganugerahan *Honorary Distinguished Fellow* semasa Persidangan

Persekutuan Pertubuhan Kebangsaan ASEAN yang Ke-41 (CAFEO-41) yang telah diadakan di Bali, Indonesia pada 22 November 2023.

Saya juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang turut serta dalam perbahasan dan memberi pandangan yang bernas berhubung dengan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Sumber Asli dan Pembangunan Bandar dan beberapa perkara di bawah Jabatan Premier Sarawak.

Program Pengukuran Tanah NCR Inisiatif Baharu

Tuan Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan Sarawak sentiasa mengiktiraf dan mempertahankan hak rakyat ke atas tanah NCR mereka yang sah dan diwujudkan selaras dengan peruntukan undang-undang tanah sedia ada. Pengukuran dan pengeluaran surat hak milik tanah NCR telah dilaksanakan sejak tahun 1960-an lagi, khususnya melalui Operasi Penyelesaian (*Settlement Operation*) selaras dengan Bahagian V Kanun Tanah Sarawak Bab 81.

Bagi memastikan pengukuran tanah NCR dilaksanakan secara lebih efisien dan efektif, Program Pengukuran Tanah NCR Inisiatif Baharu ini telah dilaksanakan bermula pada tahun 2010. Melalui inisiatif ini, sehingga 31 Oktober 2023, seluas lebih kurang 1,118,851 hektar atau 2,764,681 ekar telah berjaya diukur secara perimeter dan seluas lebih kurang 867,516 hektar atau 2,143,632 ekar daripadanya telah pun diwartakan sebagai Rizab Komunal Bumiputera (Pertanian) di bawah Seksyen 6 Kanun Tanah Sarawak. Ini merupakan satu pencapaian yang begitu tinggi sekali jika kita bandingkan sejak daripada tahun 60-an lagi hingga tahun 2010, kita cuma berjaya menyukat lebih kurang 260,000 hektar sahaja.

Tuan Speaker, pewartaan untuk baki kawasan yang telah diukur secara perimeter akan dilaksanakan secara berterusan. Kerja-kerja pengukuran ini adalah berdasarkan permohonan daripada pihak yang terlibat. Mana-mana kawasan yang terlibat dengan kes mahkamah, ianya hanya akan diukur setelah kes tersebut selesai atau pihak yang terlibat menarik balik tuntutan mereka di mahkamah dan membuat permohonan baharu untuk menyertai program ini.

Sejak tahun 2017, fokus pengukuran juga ditumpukan kepada pengukuran lot-lot individu di bawah Seksyen 18 Kanun Tanah Sarawak. Bagi kawasan yang telah diwartakan di bawah Seksyen 6 Kanun Tanah Sarawak berdasarkan permohonan dan kesediaan penuntut-penuntut tanah tersebut.

Sehingga 31 Oktober 2023, sebanyak 77,954 lot individu telah berjaya diukur yang melibatkan kawasan seluas 94,979 hektar atau 234,693 ekar yang telah dan akan dikeluarkan surat hak milik tanah di bawah Seksyen 18 Kanun Tanah Sarawak.

Bagi mempercepatkan pengukuran lot individu tanah NCR ini, penuntut tanah hendaklah hadir semasa pengukuran di lapangan, menandakan sempadan tanah mereka dengan jelas dan mengelak pertikaian dalam membuat tuntutan agar pengukuran berjalan dengan lebih lancar.

Kerajaan Sarawak komited dalam memastikan kelangsungan program ini dan akan terus menyediakan dana yang diperlukan di samping dana yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan.

Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Serembu, Tebedu, Meluan, Katibas, Tellian, Opar, Bukit Semuja dan Batu Danau telah menyarankan agar pengukuran tanah NCR sama ada pengukuran perimeter dan individu bagi tujuan pengeluaran Surat Hak Milik Tanah dipercepatkan.

Sebagaimana yang telah saya nyatakan tadi, di samping pengukuran perimeter di bawah Seksyen 6 Kanun Tanah Sarawak, Jabatan Tanah dan Survei juga akan memberi fokus kepada pengukuran lot individu untuk pengeluaran surat hak milik tanah di bawah Seksyen 18 Kanun Tanah Sarawak. Bagi memastikan kelancaran kerja pengukuran ini, para penuntut tanah yang telah

diwartakan tanah mereka di bawah Seksyen 6 hendaklah memohon secara rasmi dan bersedia untuk memastikan pengukuran lot individu berjalan lancar.

Jabatan Tanah dan Survei memerlukan kerjasama, komitmen serta penglibatan langsung daripada semua Ahli Yang Berhormat dan para pemilik tanah dalam menjayakan pengukuran lot-lot individu. Kita memerlukan mereka berada di lapangan, kerana merekalah yang tahu mana sempadan-sempadan tanah mereka. Sudah diberi notis, kita akan berada di lapangan, kadangkala ada yang tak hadir. Kalau dibuat kerja-kerja penyukatan, dah diputuskan, tiba saat kita untuk mengeluarkan surat hak milik, adalah rungutan, ini tak betul, itu tak betul. Susah begitu, jadi Jabatan Tanah dan Survei komited untuk memastikan kerja-kerja pengukuran ini berjalan dengan cepat, tetapi kita memerlukan kerjasama. Mereka yang terlibat sepatutnya berada di lapangan. Tuan Speaker, Jabatan Tanah dan Survei amat memerlukan kerjasama dan komitmen mereka yang terlibat.

Dalam pada itu, Kerajaan menghargai usaha *land documentation* yang telah dilaksanakan oleh Dayak Bidayuh National Association (DBNA) di Bahagian Kuching, Samarahan dan Serian. *Land documentation* tersebut ternyata membantu dan menjadi rujukan bagi kerja pengukuran di lapangan. Walaupun ia tidak 100% tepat, tetapi ia nya membantu kita di dalam usaha untuk mempercepatkan kerja-kerja pengukuran ini. Sebahagian daripada kawasan yang terlibat dengan *land documentation* ini telah pun diwartakan di bawah Seksyen 6 di mana sebahagiannya telah pun diukur secara individu dan dikeluarkan dengan Surat Hak Milik Tanah Seksyen 18 Kanun Tanah Sarawak.

Jabatan Tanah dan Survei akan sentiasa meningkatkan kerjasama dengan pihak DBNA dan *Land Committee* yang ditubuhkan bagi meningkatkan *output* pengukuran dan keluasan tanah yang diukur.

Skim Penempatan Semula (SPS) dan Skim Pembesaran Kampung (SPK)

Tuan Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, pelaksanaan program Skim Penempatan Semula (SPS) dan Skim Pembesaran Kampung (SPK) sejak Rancangan Malaysia Ke-4 (RMK4) merupakan komitmen dan keprihatinan Kerajaan Sarawak terhadap rakyat berpendapatan rendah yang memerlukan tanah untuk mendirikan rumah.

Di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) dan peruntukan Projek Rakyat sehingga 31 Oktober 2023, sebanyak 71 projek SPS dan SPK telah diluluskan yang akan menyediakan sebanyak 7,113 lot kediaman dengan kos pelaksanaan dianggarkan berjumlah RM1.13 bilion. Daripada 71 projek tersebut, 15 projek telah pun siap sepenuhnya mengikut skop pembangunan dan baki 56 projek akan diteruskan sehingga penghujung Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12).

Sejak 6 Mei 2018, projek-projek SPS dan SPK yang dilaksanakan menggunakan spesifikasi infrastruktur yang telah ditambah baik seperti jalan yang berturap, parit konkrit, lot-lot yang ditembok dan sistem retikulasi bekalan air serta bekalan elektrik. Kerajaan Sarawak juga telah menetapkan bayaran premium tanah tidak melebihi RM2,500 bagi setiap lot kediaman di dalam SPS dan SPK walaupun kos penyediaan setiap lot tersebut dalam lingkungan RM120,000 hingga RM150,000. Ini membuktikan keprihatinan Kerajaan GPS yang senantiasa memberi perhatian kepada rakyat yang memerlukan bantuan.

Tuan Speaker, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Katibas, berhubung dengan permohonan Skim Penempatan Semula (SPS) dan Skim Pembesaran Kampung (SPK) di Pekan Song, Jabatan Tanah dan Survei telah mengenal pasti satu tapak seluas 37 ekar yang terletak di sebelah SPK Jalan Takan Song Fasa 2 untuk tujuan penempatan baharu iaitu Skim Penempatan Semula Song Fasa 3. Skim tersebut dianggarkan menyediakan sebanyak 148 lot kediaman bagi menampung keperluan penduduk di Pekan Song. Cadangan untuk menyediakan infrastruktur berspesifikasi baharu bagi SPS ini akan dikemukakan dalam Rancangan Malaysia Ke-13.

Tuan Speaker, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Kalaka, SPK Pagan, Saratok akan dilaksanakan secara berfasa. Fasa 1 projek ini akan ditender pada suku pertama tahun 2024 bagi kerja-kerja infrastruktur berspesifikasi baharu melibatkan 144 lot kediaman yang akan disiapkan dalam tempoh 24 bulan. Daripada jumlah tersebut, keutamaan akan diberikan kepada penyediaan infrastruktur untuk 78 lot kediaman bagi penduduk yang menghadapi masalah hakisan sungai yang serius dengan tempoh pembinaan 12 bulan dan dijadualkan siap pada suku pertama 2025. Manakala, kemudahan infrastruktur bagi menampung keperluan penduduk lain yang juga terlibat dengan hakisan sungai akan disediakan apabila keseluruhan skop Fasa 1 siap pada suku pertama 2026.

Tuan Speaker, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Tellian, Kerajaan telah meluluskan pembangunan infrastruktur berspesifikasi baharu bagi SPK Tellian Fasa 1 di bawah Projek Rakyat dengan peruntukan RM30 juta. Jumlah lot kediaman yang disediakan ialah sebanyak 168 lot dengan infrastruktur berspesifikasi baharu. Projek ini akan ditender pada suku pertama tahun 2024 dan dijadualkan siap pada suku kedua tahun 2026. Bagi SPK Tellian Fasa 2 Peringkat 1 pula, cadangan pelaksanaan skim ini telah diluluskan di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12. Nilai siling yang diluluskan ialah RM500,000 untuk skop kerja reka bentuk dan akan dimuktamadkan pada tahun 2024. Jabatan Tanah dan Survei akan memohon peruntukan bagi pembinaan infrastruktur berspesifikasi baharu bagi SPK Tellian Fasa 2 Peringkat 1 dan SPK Petanak Fasa 2 serta cadangan baharu bagi pelaksanaan SPK Sungai Ragei/ Sungai Pegei dalam Rancangan Malaysia Ke-13. Saya harap sebutan saya betul.

Tuan Speaker, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Lingga, cadangan untuk menaik taraf infrastruktur sedia ada kepada infrastruktur berspesifikasi baharu bagi Skim Penempatan Semula (SPS) dan Skim Pembesaran Kampung (SPK) di daerah Lingga akan dikemukakan untuk pertimbangan di bawah peruntukan Projek Rakyat atau Rancangan Malaysia Ke-13.

Tuan Speaker, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Beting Maro, pelaksanaan Skim Pembesaran Kampung (SPK) Beladin yang berkeluasan 80 ekar telah diluluskan di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 dengan nilai siling berjumlah RM2,034,000 untuk kos reka bentuk dan pengambilan balik tanah bagi sebahagian tapak yang terlibat. Jabatan Tanah dan Survei akan memohon peruntukan bagi pembinaan infrastruktur berspesifikasi baharu bagi SPK Beladin untuk pelaksanaan dalam Rancangan Malaysia Ke-13. Manakala, permohonan peruntukan bagi SPK Beting Maro, SPK Sepinang, SPK Tambak dan SPK Kalok akan dikemukakan semula bagi pelaksanaan dalam Rancangan Malaysia Ke-13.

Tuan Speaker, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Ngemah, Jabatan Tanah dan Survei akan mengemukakan semula cadangan untuk mewujudkan SPK Nanga Ngungun dalam Rancangan Malaysia Ke-13 untuk pertimbangan. Manakala, untuk pewujudan skim penempatan Nanga Jagau dan Nanga Tada, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) terlibat dinasihatkan untuk mengemukakan permohonan rasmi serta justifikasi kepada Penguasa Tanah dan Survei Bahagian Sibul untuk pertimbangan selanjutnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Padungan, permohonan pembaharuan Surat Hak Milik Tanah (*Renewal of Land Lease - RLL*) akan diluluskan sekiranya tanah tersebut tidak terlibat dengan perancangan pembangunan Kerajaan dan penggunaan tanah tidak bercanggah dengan syarat guna tanah yang telah ditetapkan. Ini yang saya bagi tahu dalam Persidangan Dewan yang lepas.

Berhubung dengan permohonan yang tidak diluluskan termasuk kes-kes yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Padungan, ianya telah disemak semula oleh Jabatan Tanah dan Survei di mana ianya telah didapati melanggar syarat guna tanah yang ditetapkan. Sebagai contoh, permohonan ke atas Lot. 1350, Block 8 Senggi-Poak Land District telah ditolak memandangkan hasil siasatan Jabatan Tanah dan Survei ke atas lot berkenaan mendapati masih terdapat sebuah rumah kediaman, sebuah rumah yang dijadikan stor, sebuah rumah yang dijadikan sebagai bengkel kereta. Ianya didirikan di lot yang sama dan masih beroperasi.

Oleh yang demikian, Jabatan Tanah dan Survei telah menasihatkan agar pemohon membuat *remedy* dan mengemukakan permohonan RLL yang baharu. Sekiranya mereka ingin meneruskan aktiviti yang jelas bercanggah dengan syarat tanah yang ditetapkan seperti mengusahakan bengkel kereta, adalah disarankan agar mereka membuat permohonan tukar syarat tanah dan pecah bahagi tanah (AVTC) untuk pertimbangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Padungan juga, di Bahagian Kuching, sejumlah 64 lot tanah pertanian yang mana telah didirikan dengan lebih daripada sebuah rumah kediaman telahpun diluluskan permohonan RLL dalam tempoh 2020 hingga 31 Oktober 2023 kerana kesemuanya masih lagi digunakan untuk rumah kediaman dan aktiviti yang memenuhi syarat kelulusan tanah tersebut.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sejak polisi baharu RLL ini diperkenalkan pada tahun 2007, setakat ini sejumlah 72,140 lot bagi pembaharuan Surat Hak Milik Tanah telah diluluskan di seluruh Negeri Sarawak ini. Jabatan Tanah dan Survei mahu mempercepatkan proses ini asalkan ianya memenuhi syarat. Saya memerhatikan Jabatan Tanah dan Survei adalah di antara Jabatan-jabatan yang mempunyai komitmen yang tinggi untuk meningkatkan mutu perkhidmatan mereka.

Mereka senantiasa berusaha untuk meningkatkan perkhidmatan dan tanggungjawab mereka dilaksanakan penuh amanah dan berintegriti. Jadi, adalah tidak *fair* untuk menyatakan bahawa Jabatan Tanah dan Survei sengaja nak lewat-lewatkan permohonan sedemikian.

Tuan Speaker, ini yang saya nak jelaskan bahawa kita mahu memastikan bahawa perkhidmatan itu akan dapat dipertingkatkan, kalau ada syor yang bagus bagaimana untuk kita nak memperbaiki lagi perkhidmatan kita, kita akan terima, kita akan terima tapi janganlah menuduh sebarangan begitu sahaja tanpa ada syor-syor atau cadangan yang baik yang perlu kita timbangkan dan kita menerima apa juga cadangan untuk mempertingkatkan perkhidmatan kepada rakyat yang tercinta.

Tuan Speaker, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Padungan juga, permohonan pembaharuan tempoh surat hak milik tanah kegunaan pertanian (*Renewal of Land Lease – RLL*) yang dikenakan premium sebanyak RM5,000 seekar bagi Tanah Bandar adalah masih rendah dan sangat berpatutan jika dibanding dengan nilai pasaran tanah di kawasan yang telah disebut oleh Ahli Yang Berhormat bagi Padungan iaitu kawasan Sejjjak, Jalan Kim Choo Sing dan Jalan Sin San Tu. Sebagai contoh, Lot 170 Block 10 Matang Land District dalam kategori Tanah Bandar yang telah diperbaharui surat hak milik tanah pada 31 Julai 2023, premium yang dikenakan ialah pada kadar RM5,000 seekar sahaja (*one off*) untuk tempoh 60 tahun berbanding dengan nilai pasaran semasa yang dianggarkan melebihi RM500,000 seekar.

Di samping itu, Kerajaan juga telah memansuhkan semua cukai tanah untuk kegunaan kediaman dan pertanian sejak 2016 dan saya ingin nak menjelaskan, sebelum polisi kadar premium baharu bagi permohonan RLL diperkenalkan pada tahun 2007, premium yang dikenakan ialah di antara 25% hingga 61% daripada harga pasaran semasa mengikut kegunaan dan kategori tanah. Mengambil contoh Lot 170 Block 10 Matang Land District yang berkeluasan 1.97 ekar, premium yang dikenakan bagi permohonan RLL berdasarkan polisi lama sebelum ianya diperbaharui, berdasarkan polisi lama ialah RM295,500 iaitu pada kadar 30%. Kita tidak pergi ke maksimum 60%. Kita tetapkan 30% *of the market value* daripada harga pasaran semasa. Namun, berdasarkan kadar premium permohonan RLL semasa, premium yang dikenakan ke atas lot yang sama hanyalah RM9,850 iaitu pada kadar purata RM5,000 seekar. Tanah ini keluasan nya ialah 1.97 ekar tanpa dipengaruhi oleh harga pasaran semasa tanah tersebut yang semakin tinggi. Perbezaannya ialah sejumlah RM285,650 iaitu hampir 30 kali ganda lebih rendah daripada kadar lama. Kalau kita tidak ada polisi baharu ini, mereka akan membayar lebih daripada RM5,000.

Saya ingin menjelaskan sedikit. Sebelum polisi kadar premium baharu bagi permohonan RLL diperkenalkan pada 2007, premium yang dikenakan ialah di antara 25% hingga 61% daripada harga pasaran semasa mengikut kegunaan dan kategori tanah.

Mengambil contoh Lot 170 Block 10 Matang Land District yang berkeluasan 1.97 ekar, premium yang dikenakan bagi permohonan RLL berdasarkan polisi lama ialah RM295,500 iaitu pada kadar 30% daripada harga pasaran semasa. Namun, berdasarkan kadar premiun permohonan RLL semasa, premium yang dikenakan ke atas lot yang sama hanyalah RM9,850 sahaja iaitu pada kadar rata RM5,000 seekar tanpa dipengaruhi oleh harga pasaran semasa tanah tersebut yang semakin tinggi. Perbezaannya ialah sejumlah RM285,650 iaitu hampir 30 kali ganda lebih rendah dari kadar lama.

Tuan Speaker, saya perlu jelaskan di sini kerana kadang-kadang isu seperti ini dijadikan isu untuk memanipulasikan sebahagian daripada masyarakat kita. Tuan Speaker, saya harap saya dapat memperjelaskan kedudukan yang sebenar berhubung dengan perkara ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Kota Sentosa, lesen kuari milik Sara Kuari Sdn. Bhd. (Stabar Quarry) telah tamat tempoh pada 29 November 2020 dan tidak diperbaharui lagi. Bekas tapak kuari ini terletak di atas tanah berhak milik. Sebagai langkah pemulihan bekas tapak kuari, pemilik tanah sedang memperhalusi pelan pembangunan hartanah di atas tanah berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong Batu, isu berkaitan setinggian di Sungai Sebiew dan beberapa pendudukan di kawasan tersebut telah pun dibincangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Bahagian Bintulu. Mesyuarat tersebut telah bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Pasukan Petugas Projek Sungai Sebiew yang dipengerusikan oleh Lembaga Kemajuan Bintulu dan dianggotai oleh Jabatan Tanah dan Survei, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Kerja Raya, Pejabat Daerah dan agensi lain yang berkaitan. Jawatankuasa tersebut akan meneliti perkara-perkara teknikal dan isu-isu komuniti setempat dalam usaha untuk menempatkan semula penduduk yang terlibat di Skim Penempatan Semula atau Projek Perumahan Rakyat sedia ada di Bintulu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Machan, bagi mempercepatkan pelaksanaan projek RTP, kelulusan pertapakan (*siting*) bagi semua projek tersebut telah diperturunkan kepada semua Residen Bahagian masing-masing sejak tahun 2018 di mana urus setianya ialah Jabatan Tanah dan Survei Bahagian dan prosedur ini masih berkuat kuasa sehingga kini. Ini adalah untuk memastikan keputusan berhubung dengan kelulusan pertapakan dapat dibuat dengan cepat untuk memastikan projek RTP dilaksanakan dengan lebih efisien.

Pembaharuan Bandar (Urban Renewal)

Tuan Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) telah memperuntukkan kos siling berjumlah RM601 juta untuk melaksanakan 14 projek sambungan dan tiga projek baharu di bawah Program Pembaharuan Bandar (*urban renewal*). Ini adalah inisiatif berterusan Kerajaan dalam meningkatkan taraf dan kualiti hidup rakyat selaras dengan hala tuju Sarawak Maju Menjelang 2030. Tiga projek baharu yang diluluskan adalah Projek Pembangunan Semula Kampung Seberang Kedai Lawas, kajian untuk Projek Pembangunan Semula Bukit Assek dan satu projek *non-physical* iaitu *Sarawak Urban Development Policy*.

Projek Pembangunan Darul Hana merupakan salah satu projek dalam pelaksanaan yang mana Fasa Pertama melibatkan 318 Ketua Isi Rumah (KIR) dari Kampung Semarang dan Kampung Panglima Seman Lama. Setakat 31 Oktober 2023, seramai 258 KIR telah berpindah ke Darul Hana dan baki seramai 60 KIR dijangka akan berpindah dalam suku pertama tahun 2024. Manakala, Fasa Kedua akan melibatkan sejumlah 253 KIR dari Kampung Pulo Ulu yang juga akan berpindah ke Darul Hana dalam suku kedua tahun 2024.

Di bawah Pembangunan Darul Hana Fasa 1, Kerajaan juga turut mengambil kira keperluan Ketua Keluarga Tambahan (KKT) dengan menyediakan rumah kediaman di Sungai Bedaun yang boleh menempatkan seramai 209 KKT dari Kampung Semarang, Kampung Panglima Seman Lama dan Kampung Pulo Ulu.

Selain itu, Projek Pembangunan Semula Kampung Datu, Sibul juga semakin rancak dilaksanakan di mana sejumlah 251 unit rumah di Kampung Datu Baru dan Kemuyang telah sedia untuk ditawarkan...*(Applause)*... Baguslah ada sambutan begitu, tanda kita berterima kasih dan ini akan memberi semangat lagi untuk agensi pelaksana untuk melaksanakan projek-projek yang perlu dilaksanakan dengan cepat. Jadi, Kampung Datu Baru dan Kampung Kemuyang telah disediakan untuk ditawarkan kepada 239 KIR dari Kampung Datu, sebahagian Kampung Baharu dan sebahagian Kampung Hilir, Sibul yang akan berpindah pada suku kedua tahun 2024.

Ahli Yang Berhormat bagi Nangka, senyum lebarnya.

*Pembangunan Bandar Baharu (New Township), Pekan Baharu dan
Pusat Perkhidmatan (Service Centre)*

Tuan Speaker, bagi memastikan jurang ekonomi antara kawasan bandar dan luar bandar dapat dirapatkan, pembangunan di kawasan luar bandar turut diberi perhatian khusus. Antara inisiatif Kerajaan dalam membangunkan kawasan tersebut adalah dengan mewujudkan pembangunan bandar baharu (*new township*), pekan baharu dan pusat perkhidmatan (*service centre*).

Oleh itu, Kerajaan Sarawak melalui Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah (LCDA) dalam Rancangan Malaysia Ke-12 akan meneruskan projek-projek yang berada dalam pelbagai peringkat perancangan dan pelaksanaan seperti berikut:

- (i) Bandar Baru Sebuyau, Samarahan;
- (ii) Bandar Baru Simunjan, Samarahan;
- (iii) Bandar Baru Daro Fasa II, Mukah;
- (iv) Pekan Baru Kabong, Betong;
- (v) Lingga Service Centre, Sri Aman;
- (vi) Matu Service Centre, Mukah;
- (vii) Igan Service Centre, Mukah;
- (viii) Matadeng Service Centre, Mukah; dan
- (ix) Ulu Merapok Service Centre, Lawas.

Kerajaan Sarawak melalui LCDA akan meneruskan kerja-kerja penyediaan infrastruktur dan pembinaan komponen lain seperti perumahan, pasar tamu, kedai mampu milik dan *cottage industry* dalam pembangunan bandar baharu dan pusat perkhidmatan ini mengikut skop yang diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 dengan anggaran kos pelaksanaan berjumlah RM207 juta.

Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memenuhi permintaan tinggi rakyat untuk membeli rumah dengan harga berpatutan, LCDA turut terlibat aktif dalam pembinaan rumah mampu milik dengan menggunakan kaedah *Industrial Building System (IBS)*. Kilang IBS secara usaha sama antara LCDA dan CTR Technology Sdn. Bhd. akan mula beroperasi pada Disember 2023 ini bagi menyokong usaha Kerajaan menyediakan rumah kediaman yang mencukupi kepada rakyat Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Meluan, Kerajaan telah menyediakan Pelan Struktur Julau yang telah diluluskan oleh Majlis Perancangan Negeri pada tahun 2014. Cadangan pelan pembangunan ini juga telah mengambil kira cadangan *Julau New Township* serta impak pembangunan jajaran projek Lebuhraya Pan Borneo. Komponen-komponen pembangunan yang dicadangkan adalah seperti komersial dan perkhidmatan, kediaman, perindustrian, institusi dan kemudahan masyarakat, infrastruktur dan utiliti serta pembangunan kawasan lapang dan rekreasi. Dari segi pelaksanaannya pula, ia adalah tertakluk kepada keperluan dan peruntukan jabatan dan agensi Kerajaan yang berkaitan serta inisiatif pemaju swasta untuk membangunkan komponen-komponen yang dicadangkan bagi pekan Julau.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Beting Maro, status penyediaan Pelan Pembangunan Pusat Pentadbiran Daerah Pusa 2030 adalah di peringkat deraf akhir di mana pihak Kementerian sedang menambah baik pelan tersebut berdasarkan maklum balas daripada Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu yang telah diadakan pada 23 Jun 2023 dan juga Mesyuarat Pengesahan Data dan Maklumat yang diadakan pada 27 September 2023.

Di samping itu, bagi menghasilkan pelan yang berdaya laksana, praktikal dan komprehensif, semakan dan verifikasi data terkini pembangunan sedang dikemas kini dan dilaksanakan sebelum ia dikemukakan kepada Majlis Perancangan Negeri untuk pertimbangan dan kelulusan.

Melestari Khazanah Hutan

Tuan Speaker, melestari khazanah hutan merujuk kepada usaha untuk mempertahankan dan melestarikan kepelbagaian biologi serta ekosistem hutan. Ini merangkumi amalan pengurusan hutan yang mampan, pemeliharaan habitat flora dan fauna serta penghindaran kegiatan yang menjejaskan khazanah hutan.

Menerusi penambahbaikan dan pemerkasaan polisi sedia ada serta pelaksanaan pelbagai program pengurusan hutan secara lestari, setakat ini, Sarawak masih mengekalkan 7.65 juta hektar atau lebih kurang 62% kawasan litupan hutan di Sarawak. Sarawak merupakan penyumbang terbesar kawasan litupan hutan di Malaysia iaitu sebanyak 42.4% daripada 18.05 juta hektar keseluruhan kawasan berhutan di Malaysia.

Penghijauan Malaysia dan Greening Sarawak Campaign

Tuan Speaker, Program Penghijauan Malaysia yang telah dilancarkan secara serentak di seluruh negara pada 5 Januari 2021 menyasarkan untuk menanam 100 juta pokok dalam tempoh lima tahun. Sebagai komitmen kepada program Penghijauan Malaysia tersebut, Kerajaan Sarawak melalui Jabatan Hutan Sarawak (JHS) komited untuk menanam 35 juta pokok melalui *Greening Sarawak Campaign*. Setakat 31 Oktober 2023, sejumlah 29,295,498 pokok telah ditanam dan merupakan rekod penanaman yang tertinggi di Malaysia. Di samping itu juga, satu program khas yang dianjurkan oleh Jabatan Hutan Sarawak iaitu *Le Tour de Restoration 2.0* telah diadakan dengan menanam sebanyak 60 pokok belian di setiap Bahagian di Sarawak sebagai simbolik Sambutan 60 Tahun Sarawak Merdeka. Ini turut memberi peluang kepada generasi muda untuk mengenali pokok warisan Sarawak dengan lebih dekat memandangkan habitat asal pokok ini jauh di pedalaman.

Sarawak Forestry Corporation (SFC) juga telah melaksanakan project *Rewilding* untuk memulihkan kawasan terosot (*degraded area*) di Kawasan Terlindung Sepenuhnya (TPA). Sehingga Oktober 2023, sebanyak 88,000 pokok telah ditanam di kawasan seluas 85 hektar di dalam TPA seperti di Samunsam, Samajaya, Similajau, Taman Tun Ahmad Zaidi, Piasau, Bukit Lima dan Kuching Wetland.

Pengiktirafan Dunia kepada Khazanah Hutan Sarawak

Tuan Speaker, Sarawak Delta Geopark (SDGp) yang berkeluasan 3,112 kilometer persegi merupakan kawasan yang terdiri daripada sistem delta yang unik dan dinamik dari Dataran Bengoh menyusuri Sungai Sarawak sehingga ke Laut China Selatan. Selain daripada kaya dengan kepelbagaian geologi dan biologi, ia juga terkenal dengan warisan sejarah, budaya, kepelbagaian etnik dan cerita legenda. SDGp merupakan satu-satunya *geopark* yang berkonsepkan morfologi delta yang luar biasa di dunia ini. Bagilah tepukan...(*Applause*)...yang luar biasa; bukan yang biasa. Ini yang luar biasa di dunia.

Setelah diiktiraf sebagai *geopark* kebangsaan pada tahun 2022, Kerajaan menyasarkan untuk mencalonkan SDGp sebagai UNESCO *Global Geopark* (UGGp) pada tahun 2024 dan dijangka

diiktiraf menjelang tahun 2026. Sebagai persediaan ke arah pengiktirafan global, tadbir urus SDGp telah menyediakan sebuah *roadmap* yang komprehensif bagi mencapai tujuan ini.

Kerajaan juga, melalui SFC telah mendaftarkan Taman Negara Niah ke dalam senarai tentatif sebagai calon Tapak Warisan Dunia UNESCO pada 26 Januari 2021. Pada bulan September 2023, penilaian oleh penilai dari *International Council on Monuments and Sites* (ICOMOS) telah dilaksanakan. Keputusan pengiktirafan akan diketahui pada pertengahan tahun 2024.

Kedua-dua pengiktirafan ini akan meningkatkan imej Sarawak di peringkat antarabangsa dalam pemeliharaan dan pemuliharaan biodiversiti serta meningkatkan sektor ekopelancongan di Sarawak.

Inisiatif Karbon

Tuan Speaker, Sarawak juga merupakan wilayah yang pertama di Malaysia menggubal undang-undang bagi mengawal selia aktiviti karbon di wilayahnya melalui sektor tanah dan perhutanan yang terkandung dalam pindaan Kanun Tanah Sarawak dan *Forests Ordinance* yang masing-masingnya diluluskan oleh Dewan yang mulia ini pada 18 dan 19 Mei 2022.

Melalui pindaan ke atas *Forests Ordinance, 2015* dan penggubalan *The Forests (Forest Carbon Activity) Rules 2022*, perdagangan karbon di Sarawak kini dapat dilaksanakan. Aktiviti perdagangan karbon merupakan potensi baharu untuk menjana pendapatan dari nilai sumber hutan di Sarawak. Setakat ini, satu permit kajian karbon telah dikeluarkan kepada sebuah syarikat tempatan untuk membuat kajian dan menilai potensi sebenar kawasan tersebut bagi menjalankan aktiviti karbon. Tiga lagi permit kajian karbon sedang dalam proses akhir di mana satu daripadanya melibatkan kajian karbon biru di kawasan hutan bakau.

Karbon biru ini merujuk kepada karbon yang disimpan dalam ekosistem laut terutamanya oleh hutan bakau dan rumput laut. Ekosistem ini memainkan peranan penting dalam penyerapan dan penyimpanan kuantiti karbon dioksida yang besar dari atmosfera. Oleh itu, aktiviti melibatkan konservasi berkenaan dengan karbon biru amat penting untuk mengimbangkan penyerapan karbon secara konsisten di masa hadapan.

Manakala bagi aktiviti penyimpanan karbon, satu kawasan berkeluasan 1.318 juta hektar atau 3.257 juta ekar di kawasan perairan Miri-Bintulu telah diluluskan secara prinsip untuk dikeluarkan dengan *Licence for Carbon Storage* kepada Petroleum Sarawak Berhad (PETROS).

Bagi memudah cara aktiviti perdagangan karbon agar lebih sistematik dan teratur serta menyokong komitmen Malaysia untuk mengurangkan gas rumah hijau kepada sifar bersih (*net zero*) menjelang 2050, *the Environment (Reduction of Greenhouse Gases Emission) Bill, 2023* telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Kerajaan Sarawak turut menjalankan kajian bertajuk *Sarawak Climate Change Policy and Low Carbon Society Blueprints in Cities and Towns, that involves Kuching, Miri, Sibul and Bintulu* bagi merangka langkah mitigasi dan adaptasi untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau dan memperkukuh daya tahan terhadap perubahan iklim (*climate resilience*).

Sarawak Logs Tracking and Forest Revenue System (REVLOG)

Tuan Speaker, dalam mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan, Jabatan Hutan Sarawak (JHS) telah membangunkan pelbagai sistem yang diguna pakai berdasarkan aplikasi digital. Salah satu daripada sistem berkenaan adalah *Sarawak Logs Tracking and Forest Revenue System (REVLOG)* iaitu sistem untuk memantau pergerakan dan pengeluaran kayu-kayu balak di seluruh Sarawak serta bagi memastikan tiada ketirisan dalam kutipan hasil cukai hutan.

Sistem REVLOG telah diperakukan keberkesannya dan telah merangkul beberapa anugerah iaitu Pemenang *Sarawak Digital Economy Awards 2023* bagi kategori *Digital Government Award and Silver Award* untuk *Public Service Innovation Asia* di *Malaysia Technology Expo 2023*.

Penguatkuasaan Hutan, Kawasan Terlindung Sepenuhnya (TPA) dan Hidupan Liar

Sebagai langkah pemeliharaan hutan dan hidupan liar, Jabatan Hutan Sarawak dan Sarawak Forestry Corporation telah dan sedang giat menjalankan aktiviti penguatkuasaan. Sejak tahun 2021 hingga November 2023, Jabatan Hutan Sarawak merekodkan sejumlah 297 kes kesalahan hutan. Sebanyak enam kes telah didaftar untuk pendakwaan di mahkamah, di mana kesemua kes telah diselesaikan, dengan lima orang tertuduh telah disabitkan kesalahan. Dalam tempoh yang sama, nilai jualan kayu rampasan adalah sejumlah RM4,398,786 manakala kompaun yang dikutip bagi kesalahan hutan adalah berjumlah RM1.3 juta.

Manakala dari 2020 sehingga Oktober 2023, Sarawak Forestry Corporation merekodkan sejumlah 419 kes kesalahan berkaitan Kawasan Terlindung Sepenuhnya (TPA) dan hidupan liar. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 48 kes telah didakwa di mahkamah, di mana 41 kes dikenakan hukuman denda atau penjara, dua kes *Discharged Not Amounting To Acquittal* dan baki lima kes masih dalam proses perbicaraan. Sementara itu, sebanyak 178 kes telah dikompaun dengan nilai kompaun berjumlah RM537,000 dan baki 193 kes lagi masih dalam pelbagai peringkat siasatan.

Kawasan Terlindung Sepenuhnya/ Totally Protected Areas (TPA)

Tuan Speaker, terdapat sebanyak 67 Kawasan Terlindung Sepenuhnya atau *Totally Protected Areas (TPA)* telah diwartakan dan dikawal selia oleh Sarawak Forestry Corporation dengan jumlah keseluruhan kawasan seluas lebih kurang 2.12 juta hektar. Kawasan TPA ini merangkumi kawasan marin seluas lebih kurang 1.24 juta hektar dan kawasan daratan seluas lebih kurang 872 ribu hektar.

Kerajaan Sarawak menyasarkan kawasan daratan seluas satu juta hektar sebagai Kawasan TPA menjelang 2025. Kesyukuran kepada usaha ini, Kerajaan Sarawak melalui Sarawak Forestry Corporation telah menetapkan lima lagi kawasan daratan untuk diwartakan sebagai TPA iaitu:

- (a) Taman Negara Tutoh-Apoh;
- (b) Rizab Semulajadi Bukit Lima (*Extension 1*);
- (c) Taman Negara Kubah (*Extension 1*);
- (d) Rizab Semulajadi Matang; dan
- (e) Taman Negara Bako Buntal Bay.

Kesemua kawasan ini sudah di peringkat pewartaan awal dan dijangka akan menyumbang kepada pertambahan keluasan kawasan daratan yang akan diwartakan sebagai TPA.

Tuan Speaker, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong Datu, Kerajaan Sarawak melalui Jabatan Hutan Sarawak (JHS), sedang giat melaksanakan program restorasi pesisir pantai di mana sebanyak 767,389 pokok bakau dan lain-lain spesies pokok pesisir pantai telah ditanam setakat ini. Daripada jumlah ini, sebanyak 20,500 pokok bakau telah ditanam di Pulau Perepat Nature Reserve melibatkan kawasan seluas 6.8 hektar di DUN N.3 Tanjong Datu. Ada gambar dalam slaid, bagus juga. Pada tahun 2018, kawasan *Heart of Borneo* telah diperbesarkan daripada 2.1 juta hektar kepada 2.7 juta hektar, yang turut melibatkan sebahagian kawasan DUN Tanjong Datu.

Tuan Speaker, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Opar, Kerajaan mengambil maklum perkara yang telah diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat bahawa terdapat kawasan Hutan Simpan Gunong Poi yang telah diterokai sama ada untuk aktiviti pertanian atau pembinaan struktur bangunan. Berdasarkan rekod pewartaan, sejak tahun 1927 lagi, kawasan tersebut telah diwartakan sebagai *Gunong Poi Forest Reserve* di bawah Warta GN. CXLV tahun 1927 dan *First Extension*

pula diwartakan melalui GN. 732 pada tahun 1958. Ya, kita melihat ada pertindihan, ada kawasan yang jelas diterokai.

Oleh yang demikian, Kementerian saya akan mengarahkan semua jabatan dan agensi yang berkaitan untuk meneliti semua dokumen, imej satelit dan *orthophoto* yang sedia ada bagi mengesahkan status sebenar tanah berkenaan sebelum sebarang tindakan lanjut dapat diambil.

Sarawak Reef Ball Project

Tuan Speaker, *Sarawak Reef Ball Project* Fasa 1 yang tamat pada tahun 2021 telah berjaya melabuhkan sebanyak 16,800 unit *Reef Ball* sejauh 746 kilometer di sepanjang perairan Sarawak. Pada bulan Julai tahun ini, kejayaan tersebut telah mendapat pengiktirafan sebagai *World's Longest Reef Ball Barrier Reef* oleh The Reef Ball Foundation USA yang berpangkalan di Florida, Amerika Syarikat. Yang terpanjang, di seluruh dunia, bagi lagi tepukan...*(Applause)*... Pengiktirafan ini merupakan satu penghargaan tertinggi terhadap usaha dan kesungguhan Kerajaan Sarawak dalam mengurus sumber biodiversiti serta ekosistem marin secara holistik dan mampan.

Kesinambungan kepada projek Fasa 1, *Sarawak Reef Ball Project* Fasa 2 telah dimulakan pada tahun ini dan dijangka tamat pada tahun 2027. Melalui projek ini, sebanyak 5,000 unit *Reef Ball* lagi akan dilabuhkan di 100 kluster yang telah dikenal pasti. Projek ini juga akan memfokuskan kepada pembangunan sosioekonomi penduduk setempat seperti pembangunan kawasan selam SCUBA, kawasan memancing dan projek marikultur batu karang (*coral mariculture*) bernilai tinggi selaras dengan *Sarawak Blue Economy Policy and Roadmap* yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Premier baru-baru ini di *41st Conference of the Asean Federation of Engineering Organizations (CAFEO-41)* di Bali, Indonesia.

RIMBA Sarawak

Tuan Speaker, *Research for Intensified Management of Bio-Rich Areas (RIMBA)* Sarawak adalah program penyelidikan yang dijalankan oleh Sarawak Forestry Corporation (SFC) yang menyasarkan pemeliharaan, perlindungan dan pengurusan sumber biodiversiti secara mampan. Pada masa yang sama, RIMBA Sarawak juga menjadi platform antarabangsa di dalam pertukaran pengetahuan, kepakaran dan teknologi di dalam pemeliharaan biodiversiti serta penyelidikan saintifik. Sehingga kini, program ini telah berjaya merekodkan 17 spesis baharu yang terdiri daripada lapan spesis pokok Begonia, tiga spesis serangga, satu spesis reptilia, satu spesis burung dan empat spesis ketam.

Perhutanan Sosial dan Pembangunan Komuniti (Social Forestry and Community Development)

Tuan Speaker, Kerajaan Sarawak melalui Jabatan Hutan Sarawak dan Sarawak Forestry Corporation telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan sosioekonomi komuniti yang tinggal di kawasan berhampiran dengan Hutan Simpan Kekal (PFE) dan Kawasan Terlindung Sepenuhnya (TPA). Antara projek dan program yang telah dijalankan adalah:

- (a) Pembinaan sistem bekalan air graviti di Long Kerong, Baram dan Rumah Manggat Batang Ai;
- (b) Pembinaan tujuh buah jambatan gantung di beberapa kawasan di Sri Aman, Baram, Limbang dan Lawas;
- (c) Membekal bahan binaan bumbung rumah untuk Komuniti Segah Selaan Ulu Baram yang melibatkan Long Murung, Long Lamam dan Ba' Sebateu;
- (d) Membangunkan sistem tagang perhutanan di 15 lokasi terpilih;
- (e) Projek penternakan ikan sangkar bagi komuniti Rh. Manggat dan Rh. George, Batang Ai, Sri Aman;
- (f) Penganjuran ekspo Hasil Hutan Bukan Kayu (NTFP) dan *Beyond Timber Carnival (BTC)* setiap tahun; dan

- (g) Penganjuran kursus pertukangan kayu, pembuatan perabot, membaiki enjin sangkut, pembuatan bot gentian kaca dan kursus pendawaian elektrik serta Kursus Lanjutan Kraf Kreativiti NTFP untuk komuniti di pelbagai lokasi di seluruh Sarawak.

Projek dan program yang dijalankan ini mampu meningkatkan pendapatan serta menyediakan kemudahan asas kepada penduduk yang tinggal berdekatan dengan TPA dan PFE selari dengan aspirasi PCDS 2030 dan pada masa yang sama akan memberi impak positif terhadap pemeliharaan khazanah biologi di Sarawak.

Industri Perakayuan Sarawak

Tuan Speaker, sehingga tempoh suku ketiga 2023, nilai eksport produk perakayuan menunjukkan penurunan sebanyak 23% kepada RM2.3 bilion berbanding RM3.0 bilion pada tempoh yang sama tahun 2022. Penurunan nilai eksport ini adalah kesan daripada pengurangan jumlah isipadu eksport produk utama iaitu papan lapis. Jepun masih merupakan pengimport utama bagi produk perakayuan khususnya papan lapis yang menyumbang sebanyak RM1.2 bilion atau 52% daripada keseluruhan nilai eksport Sarawak.

Pasaran utama lain ialah India sebanyak RM381 juta, negara-negara Timur Tengah sebanyak RM189 juta, Taiwan sebanyak RM121 juta dan China sebanyak RM104 juta.

Eksport produk perakayuan masih lagi tertumpu kepada eksport produk utama (*primary product*). Justeru itu, pemain industri perakayuan disyorkan untuk lebih komited melaksanakan transformasi aktiviti dan operasi mereka ke arah pengeluaran produk kayu nilai tambah tinggi (*high value-added products*) dengan menggunakan lebih banyak bahan-bahan mentah dari ladang hutan dan buluh. Untuk tujuan ini, Kerajaan akan terus memperkasakan industri hiliran antaranya industri biojisim (*biomass*), industri perabot, industri berasaskan buluh dan kayu kejuruteraan (*engineered wood*).

Tuan Speaker, industri biojisim mempunyai potensi yang besar untuk diteroka dalam pembangunan ekonomi hijau. Produk biojisim seperti kayu pelet, biochar dan arang briket mempunyai permintaan tinggi di pasaran global kerana ianya merupakan bahan bakar yang lebih mesra alam berbanding bahan bakar fosil (*fossil fuel*). Sehingga suku ketiga tahun ini, Sarawak telah mengeksport produk kayu pelet ke Negara Jepun, Perancis dan Korea bernilai RM36 juta. Di samping itu, produk ini juga mempunyai potensi yang besar untuk penjana tenaga hijau di Sarawak selari dengan aspirasi Kerajaan Sarawak untuk memperkasakan Dasar Tenaga Hijau Sarawak. Produk kayu pelet ini boleh dihasilkan daripada pelbagai sumber bahan mentah seperti sisa buangan kayu, *oil palm trunk* (OPT), *empty fruit bunch* (EFB) dan buluh.

Dalam masa yang sama, pemain industri perakayuan disarankan untuk mengadaptasikan teknologi *Industrial Revolution 4.0* (IR4.0) yang menekankan penggunaan teknologi automasi dan digital untuk lebih berdaya saing sama ada di pasaran tempatan mahupun di pasaran global. Oleh yang demikian, pihak industri perlu berubah dan bersedia untuk melaksanakan *retooling* dalam operasi mereka.

Seiring dengan aspirasi untuk meningkatkan produk kayu nilai tambah tinggi (*high value-added timber product*), PUSAKA sedang menyiapkan *Engineered Wood Product Blueprint* bagi menyediakan garis panduan dan hala tuju pembangunan industri kayu kejuruteraan di Sarawak. Pembangunan industri ini dijangka akan menjadi *game changer* untuk mencapai produk nilai tambah tinggi serta mengoptima penggunaan sumber bahan mentah dari ladang hutan.

PUSAKA juga sedang giat melaksanakan inisiatif penyelidikan dan pembangunan produk atau R&D secara kerjasama pintar dengan institusi penyelidikan dan pengajian tinggi. Ianya juga melibatkan kerjasama langsung pihak industri perakayuan. Dengan usaha ini, Kerajaan berharap

PUSAKA dapat menjadi peneraju dalam menggalakkan penghasilan produk bernilai tambah tinggi dan mampan seterusnya boleh memberi kesan positif kepada peningkatan nilai eksport.

Industri Buluh

Tuan Speaker, Kerajaan melalui PUSAKA telah mengambil inisiatif untuk membangunkan industri buluh di Sarawak. Pelan Pembangunan Industri Buluh Sarawak telah disediakan oleh PUSAKA pada tahun 2019 bagi membangunkan industri ini dengan lebih terancang. Antara inisiatif yang dilaksanakan ialah:

- (a) mewujudkan tapak semaian buluh dan *Bambusetum*;
- (b) membangunkan plot perintis (*pilot project*) di Sabal dan Tanjung Manis;
- (c) membangunkan ladang buluh secara komersial dan melalui program penanaman dalam komuniti;
- (d) membangunkan industri hiliran berasaskan buluh; dan
- (e) mempergiatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan.

Produk berasaskan buluh mempunyai potensi pasaran yang luas. Nilai eksport global produk berasaskan buluh pada tahun 2022 ialah USD66.2 bilion dan dijangka akan berkembang pada kadar 4% setahun. Pada tahun yang sama, jumlah nilai eksport produk buluh Malaysia mencecah RM8.4 juta. Manakala bagi Sarawak, nilai pasaran produk buluh ialah sebanyak RM1.2 juta.

Menurut kajian oleh *International Network for Bamboo and Rattan (INBAR)* yang berpusat di Beijing, China, buluh berupaya menyerap karbon empat kali lebih tinggi dan menghasilkan oksigen 35% lebih tinggi berbanding spesies pokok. Oleh itu, selain daripada menjadi sumber bahan mentah bagi industri hiliran, aktiviti penanaman buluh juga berpotensi tinggi untuk dibangunkan bagi tujuan perdagangan karbon. Kerajaan Sarawak melalui PUSAKA telah menyasarkan 10,000 hektar kawasan untuk penanaman buluh menjelang tahun 2030 sebagai sumber bahan mentah industri hiliran. Sehingga kini, seluas 3,661 hektar kawasan telah ditanam dengan pelbagai spesies buluh oleh pihak industri dan komuniti.

Pembangunan Modal Insan

Untuk memastikan pembangunan industri hiliran dan nilai tambah tinggi dapat dilaksanakan dengan jayanya, PUSAKA melaksanakan program pembangunan modal insan bagi melahirkan tenaga kerja yang mahir, produktif dan berdaya saing. Program latihan kemahiran ini merangkumi *soft skill* dan *technical skill* yang dilaksanakan secara kolaborasi dengan agensi-agensi Kerajaan, universiti dan pihak industri termasuk program SayD'SignerSarawak untuk menghasilkan pereka muda dalam industri pembuatan perabot. Selain daripada itu, PUSAKA juga telah merancang dua program baharu pada tahun 2024 iaitu:

- (a) Program Pembangunan SME untuk pasaran eksport perabot; dan
- (b) *Young Entrepreneur Development Programme (YEP)*.

Pengurusan Alam Sekitar

Selaras dengan hala tuju "*Sarawak Maju Makmur*" menjelang 2030, Kerajaan Sarawak sentiasa memastikan pemeliharaan dan perlindungan sumber asli dan alam sekitar diutamakan. Sehubungan itu, semua projek yang tertakluk kepada *Natural Resources and Environment (Prescribed Activities) Order 1994* diwajibkan untuk menghantar laporan *Environmental Impact Assessment (EIA)* untuk kelulusan Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar (NREB). EIA merupakan kajian impak terhadap alam sekitar dan langkah mitigasi yang perlu dilaksanakan oleh pihak pemaju. Manakala bagi projek berskala kecil dan dikenal pasti memberi kesan terhadap alam sekitar, pihak pemaju dikehendaki untuk mengemukakan *Environmental Management Plan (EMP)*. Setakat 31 Oktober 2023, sebanyak 49 laporan EIA dan 78 EMP telah diterima. Daripada jumlah tersebut,

sebanyak 48 laporan EIA dan 72 EMP telah diluluskan manakala selebihnya masih dalam pelbagai peringkat penilaian.

Setakat ini, sebanyak 1,003 daripada 1,261 projek telah dipantau melalui *Post EIA Inspection*. Berdasarkan pemantauan tersebut, didapati sebanyak 110 kes ketidakpatuhan terhadap terma dan syarat kelulusan EIA dan EMP telah direkodkan. Daripada jumlah ini, sebanyak dua kertas siasatan dibuka manakala 84 notis dan 24 notis akhir telah dikeluarkan kepada pihak pemaju. Sebanyak 108 kes telah diselesaikan di mana pihak pemaju telah mengambil tindakan sewajarnya untuk memperbetulkan ketidakpatuhan tersebut.

Status Kualiti Udara di Sarawak

Tuan Speaker, seluruh dunia sedang mengalami keadaan cuaca yang tidak menentu kesan daripada perubahan iklim. Malaysia juga turut tidak terkecuali daripada fenomena ini. Dalam tempoh Mei sehingga September 2023, Malaysia secara amnya telah mengalami cuaca panas dan kering. Walau bagaimanapun, pola kualiti udara di Sarawak bagi tempoh Mei sehingga Ogos 2023 berada dalam kategori baik ke sederhana. Namun, pada 1 hingga 5 September 2023, tiupan Angin Monsun Barat Daya telah membawa jerebu rentas sempadan menyebabkan kemerosotan kualiti udara di Kuching, Serian dan Sri Aman, yang masing-masing mencatatkan Indeks Pencemaran Udara (IPU) tertinggi 139, 152 dan 155.

Sepanjang tempoh Mei hingga September 2023, ASEAN *Specialised Meteorological Centre* (ASMC) yang berpusat di Singapura melaporkan sejumlah 11,115 titik panas telah dikesan di negara jiran dan 295 titik panas dikesan di Sarawak. Daripada jumlah ini, hasil pemeriksaan yang dilakukan oleh NREB di lapangan mendapati sebanyak 286 pembakaran terbuka telah dilakukan oleh pekebun-pekebun kecil untuk tujuan sara diri. Manakala, dua kes melibatkan ladang kelapa sawit, empat adalah *false alarm* dan tiga lagi tidak dapat diakses. Amaran lisan telah diberikan kepada pekebun-pekebun kecil manakala satu kes melibatkan ladang kelapa sawit sedang dalam siasatan.

Kerajaan Sarawak melalui NREB telah mengambil pelbagai langkah pencegahan dan penguatkuasaan untuk membendung jerebu punca tempatan (*local haze*), antaranya ialah memberhentikan pengeluaran permit pembakaran terbuka dan membatalkan permit yang telah dikeluarkan jika diperlukan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan melalui NREB sedang memperkasakan Pelan Strategik Pencegahan Kebakaran Tanah Gambut dan Pembakaran Terbuka Secara Haram untuk menangani pencemaran jerebu di Sarawak.

Status Kualiti Air Sungai Di Sarawak

Tuan Speaker, Kerajaan Sarawak melalui NREB menjalankan pemantauan kualiti air sungai ambien (*ambient river water quality*) secara berkala melalui pelaksanaan Program Pemantauan Kualiti Air Sungai atau *River Water Quality Monitoring Program* (RWQMP) sejak tahun 1999. Pada tahun 2022, berdasarkan pemantauan terhadap 66 batang sungai di seluruh Sarawak, sebanyak 10 batang sungai adalah dalam kategori Indeks Kualiti Air (IKA) "*Bersih*", 50 batang sungai dalam kategori "*Sederhana Tercemar*", manakala enam batang sungai dalam kategori "*Tercemar*".

Jumlah bilangan sungai yang dikategorikan sebagai "*Bersih*" dan "*Sederhana Tercemar*" telah meningkat kepada 60 pada tahun 2022 berbanding 44 pada tahun 2012, antaranya ialah Sungai Maong dan Sungai Sekama di Kuching, Batang Oya di Mukah dan Batang Tatau di Bintulu. Bagi meningkatkan kualiti air sungai, pihak NREB dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Sarawak telah melaksanakan pelbagai inisiatif seperti:

- (a) memperketatkan syarat-syarat kelulusan EIA bagi projek-projek yang dilaksanakan di sepanjang sungai. Itu ialah merupakan inisiatif yang akan diagihkan;
- (b) mengadakan kempen kesedaran dan pendidikan alam sekitar; dan

- (c) melaksanakan program pemuliharaan sungai dari semasa ke semasa dengan kerjasama agensi lain yang berkaitan.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-12, NREB sedang melaksanakan *The Study on the Carrying Capacity of Rivers in Sarawak for Pollution Management* di Lembangan Batang Rajang. Kajian ini bertujuan untuk menilai dan menganggar keupayaan daya tampung sungai (*river carrying capacity*) bagi menampung beban pencemaran (*pollution loadings*) serta merangka plan pengurusan kualiti air di sungai tersebut.

Pendidikan dan Kesedaran Alam Sekitar

Tuan Speaker, Kerajaan Sarawak melalui NREB komited melaksanakan pelbagai inisiatif pendidikan alam sekitar di seluruh Sarawak, bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan menanam sikap tanggungjawab dalam kalangan masyarakat serta membudayakan pemeliharaan alam sekitar dalam kehidupan seharian. Sehingga Oktober 2023, sebanyak 78 program pendidikan dan kesedaran alam sekitar dilaksanakan yang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan, termasuk pemimpin masyarakat, komuniti, pelajar dari peringkat sekolah hingga institusi pengajian tinggi, pihak kerajaan dan swasta, serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Antara program yang diadakan ialah Perkhemahan Alam Sekitar, Persidangan Alam Sekitar, ceramah dan pameran alam sekitar.

Kempen Pengumpulan Buangan Elektrikal Dan Elektronik (BEE)

Tuan Speaker, sejak tahun 2022, Kerajaan Sarawak melalui NREB dengan kerjasama JAS Sarawak dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah melaksanakan Kempen Pengumpulan Buangan Elektrikal dan Elektronik (BEE) atau *e-waste*, iaitu peralatan elektrikal dan elektronik yang telah rosak, tidak berfungsi, lama atau usang seperti mesin basuh, televisyen, telefon bimbit, peti sejuk dan sebagainya. Objektif program ini adalah untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kesan berbahaya BEE ke atas alam sekitar dan kesihatan awam, serta mempromosikan kaedah yang selamat dan mesra alam bagi pengendalian dan pelupusan BEE.

Melalui kempen ini yang telah dijalankan di 26 lokasi seluruh Sarawak pada tahun 2022, sebanyak 218,779 kilogram (218.78 tan metrik) telah berjaya dikumpulkan. Untuk tahun ini setakat 31 Oktober 2023, sebanyak 96,525 kilogram (96.52 tan metrik) telah berjaya dikumpul melalui kempen di 32 lokasi di seluruh Sarawak. Banyak juga tu.

Selain daripada kempen tersebut, Kementerian saya dan beberapa agensi berkaitan sedang bekerjasama untuk menyediakan tempat pengumpulan, pusat pengumpulan dan kemudahan pemerolehan kembali (*recovery facility*) BEE di Sarawak. Pada masa ini, kemudahan pusat pengumpulan berdaftar telah diwujudkan di Kuching dan Miri. Kita sedang mengenal pasti tempat pengumpulan tambahan untuk memudahkan orang ramai melupuskan BEE mereka pada bila-bila masa di lokasi-lokasi yang disediakan di seluruh Sarawak. Manakala, cadangan untuk penubuhan kemudahan pemerolehan kembali BEE di Sarawak sedang dalam penelitian untuk menentukan daya maju dan kebolehlaksanaannya.

Anugerah Alam Sekitar Premier Sarawak

Tuan Speaker, Pengiktirafan Kerajaan terhadap usaha dan komitmen berterusan penjagaan alam sekitar di Sarawak dilaksanakan melalui penganjuran Anugerah Alam Sekitar Premier Sarawak (*Premier Sarawak Environmental Award - PSEA*) secara dwi-tahunan sejak tahun 2001. PSEA 2023/2024 edisi ke-11 akan dilancarkan pada 6 Disember 2023. Buat pertama kali pada edisi ke-11 ini, *champion* bagi setiap kategori yang dipertandingkan akan menerima hadiah wang tunai selain daripada piala dan sijil. Sehubungan itu, saya menyeru semua pihak daripada pelbagai sektor untuk menyertai PSEA 2023/2024 ini.

Pengiktirafan

Tuan Speaker, Kementerian bersama-sama dengan jabatan dan agensi di bawahnya sentiasa komited untuk memberi perkhidmatan yang berkualiti secara berterusan kepada pemegang taruh dan *stakeholders*. Usaha-usaha ini telah diiktiraf melalui pelbagai anugerah yang telah diterima pada tahun ini antaranya:

(a) Anugerah Inovasi

- (i) Empat Anugerah Emas di *International Convention on Quality Control Circle 2023*, Beijing, China pada 30 Oktober hingga 2 November 2023 yang menerima pingat tertinggi ini ialah:
 - (1) Kumpulan SHARKS dari PUSAKA;
 - (2) Kumpulan Borneensis II dari Jabatan Hutan Sarawak; dan
 - (3) Kumpulan V-Tech 12 dan Kumpulan Sassoku Tech dari Jabatan Tanah dan Survei Sarawak.

Ini peringkat antarabangsa *tau*, bukan main-main.

- (ii) *Special Award International Alliance of Innovation and Invention Association (IAIA)* kepada Kumpulan V-Tech 12 dan tiga pingat emas semasa *Public Innovation Award, Malaysia Technology Expo (MTE) 2023* pada 17 Mac 2023 di Kuala Lumpur kepada Kumpulan V-Tech 12, Kumpulan Lands Tahai Q dan Kumpulan Sassoku Tech kesemuanya dari Jabatan Tanah dan Survei Sarawak; dan
- (iii) Anugerah Inovasi Premier Sarawak dan Anugerah Inovasi SCSICA Agensi Utama Negeri Sarawak kedua-duanya kepada Kumpulan Lands Tahai Q dari Jabatan Tanah dan Survei Sarawak semasa *Sarawak Civil Service Innovation Convention Award (SCSICA) 2023* pada 27 Oktober 2023.

(b) Anugerah Kecemerlangan Korporat

- (i) *The International Business Review Borneo Awards 2023* dalam kategori *Corporate Excellence in the Timber Industry for Economic Zone Development* kepada PUSAKA;
- (ii) *The International Business Review (IBR) Borneo Awards 2023* dalam kategori *Corporate Excellence in Community Development for Sustainability* kepada LCDA;
- (iii) *Euro Business Haller Poland* untuk *Continuous Monitoring and Surveillance System (COMOS)* kepada Jabatan Hutan Sarawak;
- (iv) *Gold Award in Public Service Innovation Asia Continuous Monitoring and Surveillance System (COMOS)* dan SARABOM kepada Jabatan Hutan Sarawak; dan
- (v) Anugerah GLC of The Year: *Community at Heart Award 2023* daripada CSR Malaysia di bawah naungan Pertubuhan Amal Tanggungjawab Kemampanan dan Korporat Malaysia kepada LCDA.

(c) *The Brand Laureate Best Brands Awards 2022 – 2023 (Nation Pride Category for Sustainable Forest Management)* dari *The World Brands Foundation (TWBF)* kepada PUSAKA.

(d) Anugerah Integriti

Anugerah Integriti, Tadbir Urus dan AntiRasuah (AIGA) 2022 Kategori Perak kepada PUSAKA dan Jabatan Hutan Sarawak.

Perkhidmatan Awam Sarawak

Tuan Speaker, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Meluan, Kerajaan Sarawak sentiasa memberi perhatian dan menghargai penjawat awam, lebih-lebih lagi dalam meningkatkan kompetensi mereka bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang bertaraf dunia. Untuk mencapai matlamat tersebut, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan termasuk aspek latihan. Di antara program-program latihan yang dilaksanakan ialah *Senior Fellowship Program*, *Advanced Management Program*, *Oxford Centre of Islamic Studies (OXCIS) Sabbatical Program* dan *Lee Kuan Yew Senior Fellowship in Public Service Program*. Melalui program-program ini, beberapa pegawai kita telah pun dihantar ke universiti-universiti terkemuka antaranya Harvard University, Cambridge University, University of Oxford dan Lee Kuan Yew School of Public Policy, Singapore.

Di samping itu, Kerajaan Sarawak juga telah melantik satu firma perunding sumber manusia untuk mengkaji dan memberi cadangan ke arah penambahbaikan Skim Perkhidmatan Awam Sarawak dari segi insentif, kemajuan kerjaya, kemudahan, ganjaran, kebajikan dan sebagainya. Hasil kajian ini nanti akan dijadikan garis panduan bagi menambah baik Skim Perkhidmatan Awam Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Opar, bilangan pegawai teknikal sedia ada di Daerah Lundu ialah 13 orang. Bagi memantapkan pelaksanaan projek di Daerah Lundu, sebanyak tiga jawatan teknikal baharu telah diluluskan dan akan diisi pada tahun 2024.

Manakala untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Pelagus pula, sebanyak 31 jawatan kumpulan pelaksana baharu diperuntukkan bagi Pentadbiran Bahagian Kapitan dan akan diisi pada bulan Disember 2023. Sementara itu, sebanyak 16 jawatan teknikal baharu telah diluluskan dan akan diisi pada tahun 2024.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Tamin pula, pihak Unit Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia, Jabatan Premier Sarawak bersama Jabatan Pertanian Sarawak akan mengkaji keperluan sumber manusia di Stesen Pertanian Selangau dan Stapang seperti yang dibangkitkan.

Tuan Speaker, pantun;

*YAB Premier umum belanjawan,
Undang-undang baru juga diumumkan,
Impian terlaksana tingkat pendapatan,
Maju dan makmur warga terangkum.*

*Memang berseri memakai tanjak,
Pakaian pahlawan di Bukit Sari,
Bijak bistari Premier Sarawak,
Berbilion ringgit boleh dicari.*

*Rembulan senja mula bercahaya,
Menyinari alam hingga ke fajar;
Sekian saja penggulungan saya,
Merry Christmas and Happy New Year.*

Demikianlah saya ucapan penggulungan saya bagi Kementerian Sumber Asli dan Pembangunan Bandar serta beberapa perkara di bawah Jabatan Premier Sarawak. Sekian, terima kasih.

Tuan Speaker: Ahli-ahli Yang Berhormat, we have break, sitting resume at 11.30 a.m.

(Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 11.05 pagi)

(Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.40 pagi)

[Tuan Speaker mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Speaker: Dengan hormatnya saya menjemput Yang Berhormat Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hasan, Timbalan Premier dan Menteri Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan untuk menyampaikan ucapan penggulungan.

Timbalan Premier Sarawak; Menteri Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.82 Bukit Sari (YB Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hasan): Tuan Speaker, firstly, I would like to congratulate Yang Amat Berhormat Premier of Sarawak for tabling an expansionary budget that is people centric and development-biased to support the robust economic growth of Sarawak. As reported by Yang Amat Berhormat Premier, our economy is expected to grow between 4.0% to 5.0% in 2023, supported by domestic demand. While the services sector will become the main driver of the growth, the manufacturing sector is expected to moderate to 3.3% in 2023 due to decline in LNG production and sluggish external demand.

The aptly themed 2024 Budget, *“Development for All: Together, Building a Prosperous, Sustainable and United Sarawak”* aims to stimulate economic growth. The Budget is framed across 12 Strategic Thrusts which includes promoting investment, entrepreneurship and SMEs development as well as transforming Sarawak into a competitive and resilient economy. These strategic thrusts not only address the need to create a conducive climate for investment, development of industrial parks and business premises, but also continue to facilitate our businesses and SMEs to revitalise and grow their businesses.

I would like to thank Yang Amat Berhormat Premier of Sarawak for the budget allocated to my Ministry in 2024 to implement initiatives to facilitate investment, entrepreneurship development and industrialisation agenda. This exemplifies the seriousness in our approach to further accelerate the economic growth of Sarawak. My Ministry will continue to embark on measures to promote Sarawak as a preferred investment destination and nurture our Micro, Small and Medium Enterprises (MSMEs). We will collaborate with all Federal and State Agencies to implement initiatives and strategies for sustainable economic growth.

Tuan Speaker, I will now report on my Ministry’s achievements thus far.

DEVELOPMENT OF INDUSTRY AND INVESTMENT

Quality investment is crucial to create a complex supply chain and a right ecosystem for a globally competitive economy. Sarawak is now actively attracting high-value, high-growth investments that can catapult Sarawak economy to achieve high income status by 2030.

Based on preliminary figures for the first three quarters of this year, Sarawak recorded RM16.67 billion worth of investments despite the sluggish global economy. Manufacturing sector contributed 68% of the total investment, followed by 19% from primary sector and 13% from services sector. These investments are expected to create more than 4,500 employment opportunities.

The manufacturing sector was the largest contributor for investment, attracting RM11.37 billion worth of investment from 73 projects mainly in non-metallic mineral products, basic metal products and electrical and electronic products.

As the investment climate remains favourable, domestic and foreign investors continue to place confidence in Sarawak. This is evident in the newly approved manufacturing related investments, mainly in:

- (a) non-metallic mineral products (graphite) – RM6.3 billion;
- (b) chemical and chemical products (Epichlorohydrin or ECH and fertiliser) – RM769 million; and

- (c) basic metal products (steel pipe) – RM62 million.

Existing investors are also taking advantage of this and expanding their presence in Sarawak, mainly in:

- (a) basic metal products (copper foil and building materials) – RM2.3 billion;
- (b) electrical and electronics products (wafer probing & IC testing and solar ingot & wafer) – RM1.2 billion; and
- (c) chemical and chemical products (fertiliser) – RM154 million.

Sarawak has been receiving new investment proposals from both foreign and domestic investors, including:

- (a) components for batteries used in electric vehicle – RM5 billion;
- (b) green metal – RM2.59 billion; and
- (c) medical gloves – RM1.5 billion.

Investment in mining was the main contributor of the primary sector with four main projects from oil and gas upstream activities worth RM2.7 billion. These projects are located offshore of Miri and Bintulu, namely:

- (a) Helang – RM624 million;
- (b) D18 – RM766 million;
- (c) F6 – RM792 million; and
- (d) E11 Shallow Clastics – RM566 million.

Sarawak is now focusing on promoting digital and green economy, leveraging on our renewable energy and decarbonisation solutions such as carbon trading and innovative climate mitigation and adaptation technology. We aspire to be a regional leader in innovation and technology-based economy.

Sarawak is becoming more prominent as a destination for digital investment. We are evaluating a proposal for hyperscale green data centre worth RM17.6 billion. Sarawak will continue to diversify our digital investment portfolio to build a robust ecosystem.

Sarawak is at the forefront in embracing Carbon Capture, Utilisation and Storage (CCUS) technology in Southeast Asia, which opens up new avenues for economic opportunities associated with low carbon manufacturing activities.

The amendment of Forest Ordinance and Land Code as well as the just enacted Environment (Reduction of Greenhouse Gas Emissions) Ordinance, 2023 enable Sarawak to be at the advanced stage to champion CCUS and carbon trading activities in Malaysia. These Ordinances provide legislative powers for us to regulate, manage and promote activities related to carbon trading, CCUS and nature businesses.

Tuan Speaker, PETROS has been appointed as the resource manager for Sarawak's natural CCUS assets with the first licence already issued to them by Sarawak Government for carbon storage. This development would unlock and commercialise the exploitation of stranded sour gas reserves offshore Sarawak.

Currently, PETROS is collaborating with PETRONAS on a "*Development and Storage*" Agreement and storage permit application for the first carbon capture and storage (CCS) at M1 depleted gas field in Sarawak in compliance with Land Code (Carbon Storage) Rules, 2022. PETROS is also finalising a "*CCS as a service*" Agreement with an international consortium which is expected to be announced by our Premier.

Tuan Speaker, Sarawak Government will continue to drive the sustainable development of oil and gas industry. PETROS is already participating in 17 Offshore Blocks in Sarawak, of which 10 exploration blocks have commenced exploration activities. These activities are in partnership with SKEO from Korea, INPEX from Japan, PTTEP from Thailand, Longboat Energy from Norway, Shell and PETRONAS, involving more than RM3.5 billion of investments over the next three years. For the other seven offshore blocks, five are in production and two are in development phase, with plan to invest more than RM8.5 billion CAPEX over the next three years.

In addition, PETROS and PETRA Energy has commenced drilling activities in Onshore Block SK433 in Miri. PETROS has already completed the prospectivity study for Onshore Block SK334 in Limbang and Lawas area. Going forward, PETROS will continue to be actively involved in upstream activities especially in rejuvenating onshore exploration and commercialisation.

In midstream and downstream activities, Sarawak is in the midst of developing four hubs namely in Bintulu, Samalaju, Miri and Kuching under the Sarawak Gas Roadmap. These hubs will provide access to gas, green energy and carbon capture infrastructure to enable the industries to achieve Net Zero target by 2050.

For the Bintulu hub, the Petchem Industrial Park is rapidly developing. The RM7 billion methanol project is at pre-commissioning stage and the RM363 million medical glove project is under construction. Meanwhile, one sour gas commercialisation project of RM23 billion is at the construction stage and three projects are expected to reach final investment decision (FID) in 2024, comprising two hydrogen projects worth RM24 billion and one sour gas commercialisation project of RM23 billion.

For the Samalaju hub, PETROS will be investing in pipeline to deliver gas to Samalaju Industrial Park by end of 2025. This will enable the commissioning of 1GW Combine Cycle Gas Turbine (CCGT) power plant by Sarawak Energy Berhad (SEB). Whilst in Miri, PETROS is developing 500MW CCGT power plant in collaboration with SEB and to be operationalise by 2027.

For the upcoming Kuching Gas Hub, PETROS has completed feasibility study and will complete the concept select by 2024. The Sarawak Gas Roadmap is gaining momentum, as such, we welcome foreign and domestic investors to participate in the opportunities outlined.

Tuan Speaker, Sarawak's strong renewable energy potential presents a major attraction for investors to meet their Net Zero Carbon target. Consequently, these will lead to high value and quality investment to Sarawak to support our development agenda, particularly on green and digital economy.

My Ministry is currently reviewing the recommendations from the Master Plan for the Development of Industrial Terminals in Sarawak in the effort to further enhance the attractiveness and competitiveness of Sarawak as the preferred investment destination. These include:

- (a) park management for Sama Jaya and Samalaju;
- (b) potential value chain development for new energies such as hydrogen, ammonia, solar and biomass;
- (c) SME positioning and value creation; and
- (d) Sarawak-Nusantara integration repositioning.

I am happy to inform this august House that InvestSarawak has started operation since August this year to facilitate investors in all economic sectors. InvestSarawak will serve as the One Stop Centre for all foreign and domestic investments as part of our efforts to improve the ease of doing businesses in Sarawak.

Among the roles and functions of InvestSarawak include providing advisory services, facilitating investment and trade, formulating attractive incentive packages for investors, organising

business networking and familiarisation programmes as well as evaluating strategic project. InvestSarawak will work closely with all ministries, agencies and Sarawak Trade & Tourism Offices to promote investment and trade in Sarawak.

Sarawak Trade & Tourism Office Singapore (STATOS) which was established in 2019 has been playing the role as a facilitator for trade, investment and tourism. STATOS aims to connect Sarawak to the global market through Singapore. Among the efforts to connect Sarawakian enterprises to Singapore market for food and promote tourism activities, including hosting webinars, participating in Singapore Trade Shows and introducing Sarawak Ambassador programme as well as the Promotion Assistance Scheme.

To date, these activities have successfully generated more than RM70 million of export, with more than 35 local suppliers to export their products and services globally through Singapore including 19 Sarawakian enterprises supported under the Promotion Assistance Scheme offered by STATOS. In addition, these activities also attracted three Singaporean corporates to organise business retreats and events in Sarawak, involving more than 400 participants. In terms of investment, a Singaporean company is in negotiation to invest approximately RM45 million in floating solar manufacturing project.

Recognising the important roles and functions of Sarawak Trade and Tourism Offices within this region, Sarawak Trade & Tourism Office Brunei (STATOB) has been established in Brunei Darussalam and expected to be in operation by 2024. We are also planning to set up a similar office in Kalimantan, Indonesia.

To ensure all these initiatives and efforts are more effective, my Ministry will develop the Sarawak Investment Policy with the aim to provide a comprehensive investment promotion strategy, including formulating well-structured and targeted investment incentives to attract both domestic and international investors.

DEVELOPMENT OF TRADE

Tuan Speaker, for the period of January-September 2023, Sarawak's total trade was valued at RM140.3 billion which was lower by 12.7% as compared to the same period last year. Exports were valued at RM93.7 billion, decreased by 16.8% and imports stood at RM46.6 billion, contracted by 3.2%. This was due to slower global demand, uncertainties in commodity prices and high base effect last year. Subsequently, trade balance was recorded at RM47.1 billion.

My Ministry has introduced two new pilot programmes to further enhance the competencies of SMEs especially those export-oriented entrepreneurs to penetrate global markets, namely:

- (a) MINTRED Connects which aims to provide more opportunities for SMEs to directly engage with international partners. In June and September this year, 13 memorandums of understanding and two memorandums of agreement were signed in Guangzhou and Beijing, China. These MOU and MOA will foster greater collaboration in the areas of trade and technology. We have also matched 10 Sarawak SMEs with over 100 partners in China for Sarawak products and services to have wider access to the China market; and
- (b) Export Boot Camp programme which intends to build the capabilities of SMEs to have better access to the global export market. To date, this programme has benefited over 100 SMEs.

SMEs, particularly those involved in export-oriented businesses, are encouraged to leverage on the various Free Trade Agreements signed by Malaysia to venture into new markets and enjoy preferential tax.

DEVELOPMENT OF ENTREPRENEUR

Tuan Speaker, in 2022, World Bank reported that MSMEs play a vital role in the global economy, accounting for approximately 90% of businesses worldwide. Their significance is not only in numbers but also in the substantial impact they have on employment, with MSMEs providing jobs for over 50% of the global workforce.

In Malaysia, MSMEs formed an integral part of the economy by constituting up to 97.4% total business establishments. The contribution of MSMEs to Malaysian GDP is 38.4%, which also provided 48.2% of employment opportunities. These numbers could be significantly higher when informal sectors are included.

In addition, the surveys by Huawei and SME Corp. Malaysia showed that the online presence among the MSMEs through websites, social media and e-commerce platforms is accounted at 80.6%. However, 53.8% of our MSMEs are still lacking in back-end digitalisation solutions that can increase productivity, especially in finance and accounting, HR management and operation management.

For Sarawak, Department of Statistics Malaysia reported that the number of business establishments for MSMEs increased from 61,036 in 2015 to 83,708 in 2022. These establishments comprise 81.5% micro enterprises, 16.7% small enterprises and 1.8% medium enterprises. The statistics indicated that the MSMEs are resilient in countering the unprecedented aftermath of pandemic COVID-19.

Therefore, we will continue to nurture and support the growth of our MSMEs to harness their economic potential as they are the key drivers of socio-economic growth and job creation in Sarawak.

FINANCIAL ASSISTANCE TO MSMEs

Tuan Speaker, my Ministry will continue to strengthen our MSMEs through various financial assistance. The financial assistance offered by my Ministry under the 12th Malaysia Plan totalled RM166 million for six programmes, namely:

- (a) Program Graduan ke Arah Keusahawanan (GERAK);
- (b) Program Usahawan Teknikal & Vokasional (USTEV);
- (c) Program Go Digital;
- (d) Skim Kredit Mikro Sarawak (SKMS);
- (e) Skim Pinjaman Industri Kecil dan Sederhana (SPIKS); and
- (f) Interest subsidy schemes for the Special Relief Fund (SRF), Targeted Relief & Recovery Facility (TRRF) and PENJANA Tourism Financing (PTF).

To date, more than 7,300 businesses have benefited from these financial assistance totalling RM155.67 million.

My Ministry has recently launched a collaboration between Invest Sarawak, United Nations Global Compact Network for Malaysia & Brunei and Alliance Bank to provide RM1 billion of green financing to all Sarawakian MSMEs towards adopting sustainable business practices in Environment, Social and Governance (ESG).

There are many, many more financing facilities in the pipeline to assist MSMEs towards ease of access for funding. We believe only with a strong and sustainable business value chain, Sarawak can attract the best investments.

CAPACITY BUILDING

Tuan Speaker, my Ministry will continue to enhance the capacity and capability of our entrepreneurs. Therefore, my Ministry has been allocated RM49.4 million during the 12th Malaysia Plan to enhance entrepreneurs' competitiveness and adaptability in dynamic business environment.

To date, more than 41,000 MSMEs have participated in the capacity building program provided by my Ministry. Among these programs are:

- (a) basic, technical & skills entrepreneurship as well as digital entrepreneurship; and
- (b) product promotion and market access through participation in national & international exposition and showcase.

Tuan Speaker, in addition to the assistance provided by my Ministry, I am pleased to inform this august House that other agencies such as Amanah Ikhtiar Malaysia, SME Corp. Malaysia, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, SME Bank, MARA, Unit Pembangunan Kontraktor dan Pembekal (UPKP), SEDC and SDEC are providing similar assistance amounted to RM1.76 billion to more than 205,000 Sarawakian entrepreneurs.

Tuan Speaker, my Ministry has established Sarawak Entrepreneur Development Coordination Committee (SEDCC) with the aim to coordinate the various entrepreneurship initiatives by more than 60 Federal and State agencies in Sarawak. These initiatives include financial assistance, capacity building, marketing, business premises, digital as well as technology and innovation.

My Ministry will also develop a master plan to enhance the competitiveness of MSMEs in Sarawak. The master plan will develop strategies and action plans to address the identified challenges as well as to promote entrepreneurs' growth, competitiveness, and sustainability within each sector.

DEVELOPMENT OF INDUSTRIAL INFRASTRUCTURE AND BUSINESS PREMISES

Tuan Speaker, I wish to inform this august House that five industrial parks and one Anjung Usahawan have been completed this year, namely:

- (a) Sematan Industrial Estate Phase 1;
- (b) Sri Aman Industrial Estate;
- (c) Betong Industrial Estate Phase 1;
